



# LAPORAN TAHUNAN **2021**

“ Memperkasa Pengajar  
Kemahiran Malaysia ”





# **PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN**



***CIAST***

Centre for Instructor and Advanced Skill Training



© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada CIAST.

Diterbitkan oleh:

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR &  
KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Jalan Petani 19/1, Seksyen 19,  
40300 Shah Alam, Selangor.  
Tel : +603-5543 8200  
Faks : +603-5543 8200  
E-mel : [info@ciast.gov.my](mailto:info@ciast.gov.my)  
[www.ciast.gov.my](http://www.ciast.gov.my)

**DICETAK DI MALAYSIA**

## SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN CIAST 2021

### PENASIHAT

Pn. Zuleah binti Darsong

### KETUA EDITOR 1

En. Jamil bin Yahya

### KETUA EDITOR 2

En. Johari bin Mohamad Tahar

### EDITOR

En. Muhammad Nooradzam bin Adam  
Ts. Shahlisa Cheah binti Shihabudin

**GRAFIK** Team Media CIAST

### PENGARANG

Ts. Ahmad Mashudi bin Alpiah  
Pn. Azua binti Aripin  
En. Baharil Ihzan bin Onn  
En. Ganesan a/l Murugesu  
En. Hairul Nizzat bin Bahrin  
Pn. Hamimah binti Mamat  
Pn. Hamidatul Zakiah binti Ismail  
Ts. Marina binti Sukor  
Pn. Marsita binti Abd Kadir  
Ts. Mohd Asrofi bin Muslim  
Ts. Mohd Azrul bin Jaafar  
En. Mohd Zamri bin Abdul Hamid  
En. Mohd Zahirul Hasni bin Zaminazha  
Ts. Maznizam bin Mansor  
Ts. Nazrim bin Tan  
Pn. Norakma binti Nawawi

Pn. Nor Hashimah binti Abdul Majid  
Ts. Dr. Norhayati binti Yahaya  
Pn. Nozie Mazzuana binti Md Arof  
Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul  
Pn. Rabia binti Siamir  
Ts. Razidah binti Sagap  
Pn. Rohani a/p Ngandi  
Pn. Roslin binti Mohd Basri  
Pn. Rozita binti Rashid  
Ts. Shahlisa Cheah binti Shihabudin  
Pn. Suraya binti Ali  
Ts. Syurhawati binti A.Rahim  
Ts. Zuraini binti Ismail  
Pn. Zaimah binti Mu  
YBhg. Datin Zainila binti Salam

## KANDUNGAN

Mukasurat

### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Tinta Pengarah	7
Latar Belakang CIAST	9
Kampus Satelit CIAST	10
Visi, Misi dan Objektif	11
Piagam Pelanggan & Dasar Kualiti Jabatan	12
Carta Organisasi CIAST	14
Profil Korporat	16
Pengarah CIAST	18
Jasamu Dikenang	19
Kenaikan Pangkat	21
Pertukaran Pegawai	22
Pegawai Melapor ke CIAST	23
Pegawai CIAST Menyambung Pengajian	24
Pegawai CIAST yang Menerima Anugerah Pingat	24

### LATIHAN

Keluaran CIAST	26
Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang (PraPerkhidmatan)	26
Kursus Peningkatan Kemahiran	27
Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (Reskilling)	28
Tenaga Pengajar	
Program Pembangunan Profesional Kemahiran	30
-Pembangunan dan Pemantapan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	33
-Latihan Sangkutan Industri (LSI)	34
-Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)	36
Program Pembangunan Pengajar Kemahiran	41
Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia	48
Program Perancangan dan Pembangunan Latihan	52
Program Kelayakan Kekompetenan	56
-Pengurusan Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	
-Latihan Antarabangsa	61
Kampus Satelit CIAST	63
Penyelidikan dan Inovasi	70
Penganjuran Seminar dan Webinar Inovasi	71

## PENCAPAIAN

Inovasi dan Kreativiti	74
Pertandingan Yang Disertai	74
Aktiviti Pasukan Dron	78
Kajian Kebolehpasaran Graduan CIAST 2021	79
Pertandingan Kemahiran	80
Sistem Pengurusan Kualiti CIAST 2021	81
Laporan Projek Pembangunan RMK12	83
CIAST Sebagai Centre of Excellence For TVET Instructor	84
CIAST Sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan Lawatan YDPA	85
Lawatan Kedutaan Jepun Ke CIAST	86

## JARINGAN WARGA, INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Kelab Kakitangan CIAST (KKC)	88
PUSPANITA CIAST	97
Jawatankuasa Surau CIAST	101
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2020/2021	102
Kerjasama CIAST dan Industri	104
Aktiviti Promosi dan Pameran	107

# Tinta Pengarah

Bismillahir Rahmanir Rahim.



Alhamdulillah, pertamanya saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Ilahi atas kurniaan-Nya, Laporan Tahunan CIAST 2021 dapat disiapkan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kesyukuran dan tahniah kepada semua warga kerja CIAST atas segala usaha dan kerjasama anda semua dalam melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan cemerlang pada tahun ini. Tidak lupa juga kepada pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang sentiasa menyokong CIAST dalam segala urusan pentadbiran dan pengurusan institut ini.

Sesungguhnya tempoh pandemik COVID-19 yang bermula sejak akhir tahun 2019 sehingga kini adalah amat mencabar bagi kita semua dalam mengharungi segala cabaran dan tanggungjawab yang dipikul bagi memperkasakan pengajar kemahiran TVET di negara kita. Dengan penyesuaian dan adaptasi kepada S.O.P (Standard Operation Procedure) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN)

CIAST sentiasa komited dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Apa sahaja cabaran dan ujian yang datang, kita hendaklah mengambilnya sebagai satu peluang untuk memperbaiki dan meningkatkan keupayaan kita bagi memastikan kita sentiasa maju ke peringkat yang lebih baik. Saya amat berbangga dengan pencapaian CIAST sepanjang tahun 2021 di mana kita telah berjaya menerokai teknologi penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dipanggil kaedah hibrid iaitu bersemuka fizikal dan secara maya dengan begitu berkesan sekali. Walaupun ada sesetengah yang terpaksa diubahsuai mengikut situasi semasa, tetapi segala sasaran tahunan telah dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Pada tahun ini, CIAST telah secara rasminya dilancar sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajar TVET atau Centre of Excellence (CoE) TVET Instructor oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 11 November 2021. Ini merupakan pengiktirafan tertinggi bagi CIAST dalam melahirkan tenaga pengajar TVET negara.

CIAST juga telah dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi penduduk sekitar Seksyen 23 Taman Sri Muda ekoran peristiwa banjir di Shah Alam dan menerima kunjungan istimewa dari KDYMM Dipertuan Agong pada 25 Disember 2021.

Selain itu Duta Jepun, H.E Oka Hiroshi juga telah sudi mengadakan kunjungan di CIAST bagi menghargai sumbangan CIAST dalam bidang TVET.

Itu adalah antara momen-momen indah sepanjang tahun 2021 ini.

Semoga CIAST terus berjaya pada tahun-tahun yang mendatang.

*Zuleah Binti Darsong*

# **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**



## LATAR BELAKANG CIAST

CIAST mula beroperasi pada **tahun 1983** dengan bantuan kewangan daripada **Kerajaan Jepun** di bawah **Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN** dan dikawal selia oleh pakar-pakar teknikal dan pengurusan Jepun menerusi **Japan International Cooperation Agency (JICA)** sehingga tahun 1991.

CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah **Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM)** bermula tahun **1991 sehingga Mei 2007** sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah **Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)**, di kementerian yang sama pada **Jun 2007**. Perpindahan ini bersesuaian dengan peranan CIAST yang semakin penting dalam **pemerkasaan pengajar kemahiran seluruh negara**.


CIAST menawarkan **kursus latihan pengajar** dan **latihan kemahiran lanjutan** untuk pengajar kemahiran, penyelia dan *coach* di industri serta pekerja mahir dari **sektor awam dan swasta** di Malaysia dan **negara-negara luar** seperti negara-negara ASEAN dan Dunia Ketiga.



## KAMPUS SATELIT CIAST

Kampus Satelit CIAST (CSC) telah ditubuhkan di seluruh negara **semenjak 2012** dan **mula beroperasi pada tahun 2014**. Model pelaksanaan CSC ini melibatkan **kerjasama dengan pihak kerajaan dan swasta** melalui **perkongsian kemudahan, ruang dan infrastruktur kampus latihan**.

Bermula tahun 2018, **sebanyak 14 buah CSC** beroperasi di seluruh Malaysia termasuk **Sabah dan Sarawak** dengan berkeupayaan **melatih seramai 1,050** pengajar pelatih setahun. CSC tersebut adalah **CSC ADTEC Taiping, CSC ILP Selendar, CSC ILP Marang, CSC ADTEC Bintulu, CSC ILP Sandakan, CSC ILP Kepala Batas, CSC ILP Kota Bharu, CSC ADTEC Melaka, CSC ADTEC Batu Pahat, CSC ADTEC Jerantut, CSC IKBN Kemasik, CSC IKBN Kuala Langat, CSC KPM Bukit Tangga dan CSC IPG KPT.**



Kedudukan Kampus Satelit CIAST seluruh negara

## VISI, MISI dan OBJEKTIF

### VISI

**Organisasi peneraju** dalam **membangun dan memperkasakan pengajar** bertaraf dunia dalam bidang kemahiran.

### MISI

**Membangunkan pengajar bertaraf dunia** yang **berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif** terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

### Objektif

Meningkatkan tenaga pengajar secara berterusan dalam bidang kemahiran dan metodologi latihan mengikut perkembangan teknologi.

Memperkaya kurikulum latihan kemahiran.

Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem pembelajaran elektronik dan multimedia.

Memupuk nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang sihat kepada tenaga pengajar.

01

Melahirkan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan institusi latihan kemahiran negara.

02

Mentauliah tenaga pengajar dan pakar industri selaras dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

03

04

Memperkuuh hubungan dan latihan antarabangsa.

05

06

Menyediakan persekitaran dan kemudahan latihan yang kondusif dan relevan.

07

08

## PIAGAM PELANGGAN

Kami di **Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)** telah diamanahkan untuk **mengeluarkan** dan **meningkatkan kemahiran** tenaga pengajar **terlatih** yang diperlukan oleh negara. Dengan itu:



## DASAR KUALITI JABATAN


CIAST adalah **komited** untuk **menyedia dan melaksanakan** perkhidmatan latihan yang **berkualiti selaras dengan kehendak pelanggan** khususnya dan keperluan negara amnya serta akan sentiasa memperbaiki keberkesanan perkhidmatannya.


CIAST juga **menggalakkan penglibatan kesemua kakitangan** dalam mengamalkan peningkatan kualiti kerja secara berterusan.

# **MEMPERKASA PENGAJAR KEMAHIRAN MALAYSIA**



## Carta Organisasi CIAST





## PROFIL KORPORAT

### PENGARAH

**Zuleah binti Darsono**



**TIMBALAN PENGARAH  
PENGURUSAN LATIHAN (PL)**

**Jamil bin Yahya**



**TIMBALAN PENGARAH  
PERANCANGAN DAN  
PEMBANGUNAN (PP)**

**Mohammad Ghazali bin Udin**  
*bersara pilihan pada 1.3.2021*



**KETUA PROGRAM PEMBANGUNAN PENGAJAR KEMAHIRAN (PPK)**

Dr. Norhuda binti Salim



**KETUA PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL KEMAHIRAN (SPD)**

Dr. Puteh Melor Wesma binti Salehen



**KETUA PROGRAM PEMBELAJARAN ELEKTRONIK DAN MULTIMEDIA (PEM)**

Ainin Nisak binti Asnawi



**KETUA PROGRAM PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN LATIHAN (PPL)**

Azian bin Hussin



**KETUA PROGRAM KELAYAKAN DAN KEKOMPETENAN (KK)**

Mohd Nuzi bin Yaacob



**KETUA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)**

Ahmad Zahiri bin Abdul Kadir



**KETUA BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)**

Muhammad Nooradzam bin Adam



**KETUA UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI (RI)**

Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul



**KETUA UNIT KAMPUS SATELIT CIAST**

Ts. Shahlisa Cheah binti Shihabudin



## PENGARAH CIAST

*Pn. Hjh. Zuleah Binti Darsong*

Pada April 2021, CIAST telah menerima Pengarah baharu iaitu Puan Zuleah Binti Darsong. Beliau merupakan Pengarah CIAST yang ke-9.

**Tarikh Lahir:**

25 November 1965

**Kelulusan:**

Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Elektronik Industri), Universiti Tun Hussein Onn. Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Elektronik), Universiti Sains Malaysia.



### Sejarah Perkhidmatan:

- 1989 - 1990 : Jurutera Elektronik di IES Industries Sdn Bhd, Johor Bahru.
- 1990 - 1994 : Pengurus Latihan, GIATMARA Sdn Bhd, Kuala Lumpur
- 1994 - 1998 : Jurutera Elektronik, Jabatan Telekomunikasi Malaysia, Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Kuala Lumpur.
- 1998 - 1999 : Pembantu Pengarah, Jabatan Telekomunikasi Malaysia Kawasan Tengah, Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Petaling Jaya, Selangor.
- 1999 - 2002 : Penolong Pengarah Bahagian Persijilan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, Kuala Lumpur
- 2002 - 2004 : Pengarah Bahagian Pengiktirafan, Perancangan dan Pembangunan Latihan Vokasional, Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 2004 - 2005 : Pengarah Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 2006 - 2008 : Pengarah Bahagian Persijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 2009 - 2010 : Pengarah Bahagian Penyelarasaran Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 2010 - 2018 : Pengarah Bahagian Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQ) Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 2019 - 2021 : Pengarah Bahagian Pejabat Pemantauan Projek (PMO) Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 12 April 2021 : Pengarah CIAST

## JASAMU DIKENANG

Pada tahun 2021, lapan orang pegawai CIAST telah bersara secara wajib atau pilihan sendiri.



**Mohammad Ghazali bin Udin**  
(DV54, Timbalan Pengarah  
Perancangan dan Pembangunan)  
bersara pilihan pada 1.3.2021



**Ahmad bin Abdullah**  
(DV40, SPD)  
bersara wajib pada 19.3.2021



**Ahmad Hanapi bin Yusof**  
(DV48, CSC-ADTEC Taiping)  
bersara wajib pada 24.3.2021



**Norzaid b. Nordin**  
(DV 38, PPK)  
bersara pilihan pada 24.5.2021



**Assyirazi bin Mohamad Amin Rebuan**  
(DV44, CSC ILP-Marang)  
bersara pilihan pada 19.9.2021



**Mohd Khalid bin Aman**  
(DV48, PPL)  
bersara wajib pada 6.10.2021



**Wan Mohammed Azmi bin Md Saman**  
(DV 36, SPD)  
bersara pilihan pada 21.10.2021



**Ibrahim bin Jamaludin**  
(DV36, PEM)  
bersara wajib pada 19.11.2021

## KENAIKAN PANGKAT

Tahniah diucapkan kepada pegawai CIAST yang telah mendapat kenaikan pangkat sepanjang 2021. Semoga kenaikan pangkat ini menjadi pendorong untuk lebih berjaya pada masa akan datang.



*Tahniah Kepada Semua Pegawai Ciast!*

## PERTUKARAN PEGAWAI

Berikut ialah pertukaran keluar dan masuk pegawai CIAST sepanjang tahun 2020

### Pegawai berpindah keluar CIAST

01 Masturawati Binti Zainal Abidin  
Gred: W36  
Jawatan: Penolong Akauntan  
Tempat Bertukar: Kementerian Sumber Manusia  
Tarikh Keluar: 02.02.2021

02 Hisham Bin Mat Salleh  
Gred: DV52(M)(KUP)  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: ADTEC Taboh Naning, Melaka  
Tarikh Keluar: 08.02.2021

03 Mohd Faisal Bin Ahmad  
Gred: DV52(M)(KUP)  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: ADTEC Taboh Naning, Melaka  
Tarikh Keluar: 08.02.2021

04 Mohd Jafri bin Jaafar  
Gred: JA36  
Jawatan: Penolong Jurutera  
Tempat Bertukar: Jabatan Kerja Raya  
Negeri Selangor  
Tarikh Keluar: 1.3.2021

05 Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman  
Gred: Utama C  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Tarikh Keluar: 12.4.2021

06 Marina binti Sukor  
Gred: DV48  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: ADTEC Batu Pahat, Johor  
Tarikh Keluar: 26.4.2021

07 Ilias bin Mohamad  
Gred: DV44  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: Bahagian Perancangan, Penyelidikan &  
Pembangunan, JPK  
Tarikh Keluar: 2.8.2021

08 Noorasyikin bt. Othman  
Gred: S22(KUP)  
Jawatan: Pembantu Perpustakaan  
Tempat Bertukar: ADTEC Shah Alam, Selangor  
Tarikh Keluar: 4.10.2021

09 Imalistyahusnanjaya bin Mat Hussin  
Gred: DV52(KUP)  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: Timbalan Pengarah ADTEC Bintulu, Sarawak (JTM)  
Tarikh Keluar: 15.12.2021

10 Azkar Albar bin Abu Bakar  
Gred: DV52(KUP)  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Tempat Bertukar: Pengarah ILP Kota Samarahan,  
Sarawak (JTM)  
Tarikh Keluar: 08.02.2021

*Selamat Maju Jaya!*

## PEGAWAI MELAPOR DIRI KE CIAST

01

LILI SURYANI BINTI SUPARDIN  
 Gred: W36 (M)  
 Jawatan: Penolong Akauntan  
 Dari: Perbendaharaan Negeri Selangor  
 Tarikh Masuk: 2.2.2021

02

SHAMSIAH BINTI SARKAWI  
 Gred: DV52(M)(KUP)  
 Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: ADTEC Taboh Naning, Melaka  
 Tarikh Masuk: 8.2.2021

03

ISRAFFIL @ MOHD ISRAFFIL BIN MOHD ISA  
 Gred: JA36(M)  
 Jawatan: Penolong Jurutera  
 Dari: Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor  
 Tarikh Masuk: 1.3.2021

04

ZULEAH BINTI DARSONG  
 Gred: Utama C (Memangku)  
 Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: Pengarah PMO Jabatan Pembangunan Kemahiran  
 Tarikh Masuk: 12.4.2021

05

AMIR AZIMMIE BIN AMINUDDIN  
 Gred: DV29  
 Jawatan: Penolong Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: Jawatan Penempatan Khas Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Tarikh Masuk: 1.6.2021

06

NOR ASMA BINTI A'AT  
 Gred: DV44(M)  
 Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: Jawatan Penempatan Khas Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Tarikh Masuk: 1.6.2021

07

MAZIAH BINTI BORHANUDDIN  
 Gred: DV44  
 Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: Bahagian Perancangan, Penyelidikan & Pembangunan, JPK  
 Tarikh Masuk: 2.8.2021

08

NOR FAEZA BINTI SALIHIN  
 Gred: DV48(M)(KUP)  
 Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: Jawatan Penempatan Khas Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Tarikh Masuk: 20.8.2021

09

NUR AMIRA ILYANI BINTI ROMELY  
 Gred: DV41  
 Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
 Dari: Lantikan Baru  
 Tarikh Masuk: 1.10.2021

10

ROSYATI BINTI JULALI  
 Gred: S19  
 Jawatan: Pembantu Perpustakaan  
 Dari: ADTEC Shah Alam, Selangor  
 Tarikh Masuk: 4.10.2021

*Selamat Berkhidmat Di Ciast!*

## PEGAWAI CIAST MENYAMBUNG PENGAJIAN



## PEGAWAI CIAST YANG MENERIMA ANUGERAH PINGAT



### AZIAN BIN HUSSAIN

Gred: DV52  
Anugerah: Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T)  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Program: PPL



### NOORDIN BIN ABDULLAH

Gred: DV52(KUP)  
Anugerah: Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)  
Jawatan: Pegawai Latihan Vokasional  
Program: SPD

# LATIHAN



## KELUARAN CIAST

CIAST telah melaksanakan pelbagai program latihan sepanjang tahun 2021. Program yang dilaksanakan terbahagi kepada **kursus Pra-Perkhidmatan** dan **Kursus Pendek atau dalam perkhidmatan**.

**Jadual 1:** Keluaran CIAST 2021

Perkara	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Kursus Pra-Perkhidmatan	14	813
Kursus Pendek	651	18,064
<b>JUMLAH KELUARAN CIAST</b>	<b>665</b>	<b>18,877</b>

## PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PANJANG (PRA-PERKHIDMATAN)

CIAST melaksanakan Latihan Kemahiran Jangka Panjang di CIAST yang terdiri daripada kursus **Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO)**, **Diploma Kemahiran Malaysia dengan Sijil Pengajar Vokasional (DKM+VTO)** dan **Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)**. Pada tahun 2021, **14 kursus** telah ditawarkan dan seramai **938 orang** pelajar telah menyertainya. Pelaksanaan kursus ini turut melibatkan **14 Kampus Satelit CIAST**.

Bilangan **enrolmen pelajar** pula adalah seramai **1,223 orang** daripada **26 kursus** yang ditawarkan, manakala bilangan pelajar yang telah menamatkan latihan dengan jayanya adalah seramai **813 orang** daripada **14 kursus** yang dijalankan. Jadual 2 menunjukkan Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan) Tahun 2021.

**Jadual 2:** Statistik Kursus Pra-Perkhidmatan CIAST 2021

NAMA PROGRAM	Pengambilan		Enrolmen		Keluaran	
	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta
Sijil VTO Kampus CIAST Shah Alam	3	207	6	284	4	216
DKM + VTO	4	50	5	83	4	15
DLPV	5	11	6	20	4	8
Sijil VTO Kampus Satelit CIAST	2	670	9	836	2	574
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>	<b>938</b>	<b>26</b>	<b>1,223</b>	<b>14</b>	<b>813</b>

## KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN

Pada tahun 2021, CIAST telah menganjurkan sebanyak **665 kursus peningkatan kemahiran** dan seramai **18,877 peserta** telah menyertai kursus-kursus ini yang mana para peserta adalah terdiri daripada tenaga pengajar awam, swasta dan juga pihak industri. Kursus-kursus yang dilaksanakan turut merangkumi kursus-kursus teknikal yang berkaitan bidang **Automotif, Kimpalan, Mekatronik, Elektronik, Komputer, Pengeluaran, Multimedia, Audio Visual, Grafik** dan **Kursus Teknik Mengajar**. Butiran pelaksanaan kursus adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3:** Pecahan kursus pendek yang dijalankan sepanjang tahun 2021

<b>MODULAR</b>	<b>CUSTOMIZE</b>	<b>Reskilling anjuran CIAST</b>	<b>SIP PERKESO</b>
<b>17</b> Bilangan Kursus	<b>211</b> Bilangan Kursus	<b>6</b> Bilangan Kursus	<b>14</b> Bilangan Kursus
<b>134</b> Bilangan Peserta	<b>6,118</b> Bilangan Peserta	<b>81</b> Bilangan Peserta	<b>34</b> Bilangan Peserta
<b>Industry 4wd</b>	<b>PENJANA</b>	<b>Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Modular</b>	<b>Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)</b>
<b>20</b> Bilangan Kursus	<b>14</b> Bilangan Kursus	<b>53</b> Bilangan Kursus	<b>19</b> Bilangan Kursus
<b>196</b> Bilangan Peserta	<b>133</b> Bilangan Peserta	<b>1,742</b> Bilangan Peserta	<b>550</b> Bilangan Peserta
<b>Industri Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)</b>	<b>KURSUS ANTARABANGSA</b>	<b>Kursus dan Taklimat Pembangunan Kurikulum (WIM, Soalan, NOSS) dan Kemahiran Fasilitator</b>	<b>Kursus Tips (CUBDASS, Fasilitator, Aplikasi Sistem)</b>
<b>234</b> Bilangan Kursus	<b>9</b> Bilangan Kursus	<b>39</b> Bilangan Kursus	<b>23</b> Bilangan Kursus
<b>6,868</b> Bilangan Peserta	<b>73</b> Bilangan Peserta	<b>1132</b> Bilangan Peserta	<b>900</b> Bilangan Peserta
<b>Latihan Sangkutan Industri (LSI)</b>	<b>Kursus Kakitangan CIAST</b>		<b>JUMLAH</b>
<b>-</b> Bilangan Kursus	<b>9</b> Bilangan Kursus	<b>668</b> Bilangan Kursus	
<b>150</b> Bilangan Peserta	<b>251</b> Bilangan Peserta	<b>18,362</b> Bilangan Peserta	

## **PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN LATIHAN SEMULA (RESKILLING) TENAGA PENGAJAR**

CIAST sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian TVET di negara ini dengan mempergiatkan kursus-kursus latihan kemahiran kepada tenaga pengajar TVET di bawah Program Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET. Kursus-kursus yang dilaksanakan turut merangkumi latihan Reskilling, Upskilling & Profesional yang melibatkan 15 agensi di bawah enam (6) Kementerian.

CIAST mewujudkan program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada tenaga pengajar TVET meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran mereka secara berterusan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kepada hasil analisa keperluan latihan yang diperolehi melalui TVET Instructor eProfiling System (TiPS). Objektif utama pewujudan program ini adalah seperti berikut;

- (i) Meningkatkan kualiti penyampaian TVET dengan meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengajar sedia ada di agensi TVET Awam
- (ii) Memperkuuhkan profesionalisme tenaga pengajar TVET di negara ini
- (iii) Membangunkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia bagi mencapai taraf negara maju
- (iv) Mempergiatkan lebih banyak program latihan kemahiran bagi keperluan tenaga pengajar TVET
- (v) Memperkasakan pengajar TVET melalui latihan Reskilling, Upskilling & Profesional berasaskan analisa kompetensi melalui TVET Instructors eProfiling System (TiPS)
- (vi) Memenuhi keperluan kemahiran, perkembangan teknologi dan perubahan generasi baru
- (vii) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar TVET selaras dengan kemahiran baharu (new emerging skills)
- (viii) Mengoptimum fungsi pangkalan data TiPS untuk mengenalpasti jurang kompetensi tenaga pengajar TVET
- (ix) Menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan
- (x) Melaksanakan program peningkatan tahap professionalisme tenaga pengajar TVET melalui Professional Certification
- (xi) Mengupayakan kompetensi kemahiran, pedagogikal dan pengurusan secara berterusan

Bagi tahun 2021, CIAST telah menerima peruntukan sebanyak RM8.3juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 di mana peruntukan tersebut telah diagihkan kepada 15 agensi pelaksana latihan TVET awam dan swasta untuk membangunkan kepakaran dan profesionalisme tenaga pengajar TVET melalui latihan Reskilling, Upskilling dan Profesional yang diadakan. Namun begitu, akibat wabak pandemik Covid-19, pelaksanaan latihan tidak dapat dilaksanakan secara optimum. Butiran pelaksanaan kursus latihan bagi tahun 2021 adalah seperti di Jadual 4.

**Jadual 4:** Agensi pelaksana kursus reskilling 2021



## PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL KEMAHIRAN

Program Pembangunan Profesional Kemahiran menawarkan kursus-kursus untuk melahirkan dan meningkatkan professionalisme pengajar kemahiran TVET. Jadual 5 menunjukkan kursus-kursus yang telah dilaksanakan pada tahun 2021.

**Jadual 5:** Senarai Kursus yang dilaksanakan

Bil	Tajuk	Mod Pelaksanaan	Kategori	Tarikh	Peserta
1	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - PENJANA	Dalam Talian	PENJANA	22 - 26 Feb	10
2	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - PENJANA	Bersemuka	PENJANA	15 - 19 Mac	10
3	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - SIP PERKESO	Bersemuka	PERKESO	15 - 19 Mac	1
4	OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH MANAGEMENT: SIP PERKESO	Bersemuka	PERKESO	24 - 26 Mac	2
5	TM001/VTO Siri 1- KBS	Dalam Talian	MODULAR	5 Apr - 2 Jul	10
6	TM001/VTO Siri 2- KBS	Dalam Talian	MODULAR	5 Apr - 2 Jul	9
7	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - ASIA EDU2UR	Bersemuka	CUSTOMIZE	26 - 30 April	8
8	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - IKEM	Dalam Talian	CUSTOMIZE	21 - 25 Jun	10
9	NCS004: 2017: TRAIN THE TRAINER	Dalam Talian	MODULAR	12 - 16 Julai	11
10	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - KBS	Dalam Talian	CUSTOMIZE	12 - 16 Julai	20
11	TM002: BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - KBS	Dalam Talian	CUSTOMIZE	26 - 30 Julai	20
12	TM001/VTO Siri 3 - JTM	Dalam Talian	MODULAR	2 Ogos - 29 Okt	18
13	TM001/VTO Siri 4- KBS	Dalam Talian	MODULAR	2 Ogos - 29 Okt	5
14	M03: COMPETENCY ASSESSMENT DEVELOPMENT - POLI	Dalam Talian	CUSTOMIZE	2 - 6 Ogos	250
15	M03: COMPETENCY ASSESSMENT DEVELOPMENT - POLI	Dalam Talian	CUSTOMIZE	2 - 6 Ogos	20
16	M04: DEVELOPMENT TEACHING AND LEARNING MATERIALS - BAITULMAL	Dalam Talian	CUSTOMIZE	17 - 19 Ogos	19
17	NCS004: 2017: TRAIN THE TRAINER	Dalam Talian	MODULAR	23-27 Ogos	14
18	NCS004: 2017: TRAIN THE TRAINER	Dalam Talian	MODULAR	6 - 10 Sept	11
19	M04: DEVELOPMENT TEACHING AND LEARNING MATERIALS - INDIVIDU	Dalam Talian	MODULAR	20 - 24 Sept	8
20	NCS004: 2017: TRAIN THE TRAINER - STYLUS ASIA DAN PERSEORANGAN	Dalam Talian	CUSTOMIZE	15 - 19 Nov	7
21	TM002 : BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - ASIA EDU2UR	Dalam Talian	CUSTOMIZE	15 - 19 Nov	6
22	TM002 : BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS - MARA	Dalam Talian	CUSTOMIZE	15 - 19 Nov	2

## TAE40116 CERTIFICATE IV IN TRAINING & ASSESSMENT (Upgrade) secara dalam talian

Pada tahun 2016, Australian Institute of Technology Transfer (AITT) telah melaksanakan Kursus TAE40110 Certificate IV in Training & Assessment, TAE50111 Diploma of Vocational Education & Training dan TAE50211 Diploma of Training Design & Development kepada lebih daripada 150 pengajar CIAST dan Pusat Bertauliah TVET awam.

Namun begitu, bermula tahun 2019 kursus ini telah dipertingkatkan dari segi isi kandungan yang merangkumi modul *facilitating* dan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (online) selari dengan perubahan ke arah teknologi baru dan norma baharu.

Kod baharu bagi kursus Certification IV in Training and Assessment adalah TAE40116, manakala bagi Diploma of Vocational Education & Training adalah TAE50116 dan Diploma of Training Design & Development adalah TAE50216.

Kursus TAE40116 Certificate IV in Training & Assessment telah dilaksanakan pada 12 – 16 April 2021 iaitu sekitar bulan Ramadhan yang lalu bertempat di Hotel Best Western, I-City Shah Alam bagi membolehkan seramai 30 orang tenaga pengajar CIAST dipersijilkan dengan kelayakan latihan baharu ini.

Fasilitator dan pegawai penilai bagi kursus ini ialah Carl Daggers, Ingrid Merrigan, Jessica Jaeger, Dr Deen Kuthubutheen dan Hanif Kuthubutheen.

Kursus ini tamat dengan jayanya dan 30 orang tenaga pengajar CIAST berjaya dipersijilkan. Satu kumpulan telah diumumkan sebagai pemenang keseluruhan di atas komitmen dan kerjasama terbaik sepanjang kursus dilaksanakan.



**Rajah 1:** Kursus TAE40116 Certificate IV in Training Assessment

## **TAE50116 DIPLOMA OF VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING and TAE50216 DIPLOMA OF TRAINING DESIGN AND DEVELOPMENT (Upgrade) secara dalam talian**

Kursus TAE50116 Diploma of Vocational Education & Training dan TAE50216 Diploma of Training Design & Development telah diadakan pada 19 – 23 April 2021 yang mana merupakan kesinambungan daripada Kursus TAE40116 Certificate IV in Training & Assessment.

Kursus ini bertempat di Hotel Best Western I-City Shah Alam, Selangor, Malaysia dan dihadiri oleh 20 orang tenaga pengajar CIAST. Manakala fasilitator dan pegawai penilai bagi kursus ini ialah Carl Daggers, Ingrid Merrigan, Jessica Jaeger, Dr Deen Kuthubutheen dan Hanif Kuthubutheen yang menyampaikan kursus secara dalam talian daripada Australia Brodie-Hall Drive, Technology Park, Western Australia, Australia.

Antara medium dan teknologi yang digunakan sepanjang kursus termasuk perisian Canva, Zoom, WhatsApp, Microsoft Office, Google Docs, Survey Monkey dan banyak lagi.

Ketika kursus dijalankan, tenaga pengajar telah dibahagikan kepada 4 kumpulan. Semua kumpulan menunjukkan tahap persaingan yang kompetitif, penglibatan yang tinggi dan etika kerja berpasukan yang luar biasa dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.

Kualiti kerja yang terhasil adalah melebihi keperluan unit kecekapan dan sangat membanggakan.

Perasmian penutup kursus ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan CIAST, Encik Jamil bin Yahya dan tamat dengan jayanya. Seramai 20 orang tenaga pengajar CIAST berjaya dipersijilkan manakala salah satu kumpulan diumum sebagai pemenang keseluruhan kerana memberi komitmen terbaik sepanjang kursus berlangsung.



**Rajah 2:** Kursus TAE50216 Diploma of Training Design Development dan TAE50116 Diploma of Vocational Education Training

## PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

Pada tahun 2021, CIAST telah melaksanakan kursus Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) secara modular dan customised. Kursus-kursus tersebut adalah Kursus Induksi SLDN, NDTS Trainer Training Programme dan NDTS Coach Training Programme. Kursus Induksi SLDN juga dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi Open Learning bagi memudahkan lagi peserta menyertai kursus tersebut.

**Jadual 6:** Bilangan Kursus Induksi SLDN

Kategori Kursus	Bilangan Siri	Bilangan Peserta
Modular	10	333
Customised	48	1,255
Atas Talian (Open Learning)	125	3,921
<b>JUMLAH</b>	182	5,509

**Jadual 7:** Bilangan Kursus NDTS Coach Training Program

Kategori Kursus	Bilangan Siri	Bilangan Peserta
Modular	9	213
Customised	10	256
SLDN Plus	10	622
<b>JUMLAH</b>	29	1,091

**Jadual 8:** Bilangan Kursus NDTS Trainer Training Program

Kategori Kursus	Bilangan Siri	Bilangan Peserta
Modular	6	129
Customised	6	170
<b>JUMLAH</b>	12	299

## LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)

Unit Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan salah satu unit yang beroperasi di bawah Program Pembangunan Professional Kemahiran (SPD). Tujuan LSI ini diwujudkan adalah bagi melaksanakan agenda Memperkasa Kualiti dan Penyampaian Program TVET yang diterajui oleh Industri.

Melalui LSI ini, industri boleh membantu membangunkan tenaga pengajar berkualiti untuk menambah baik penyampaian, memberi pendedahan kepada pengajar terhadap teknologi terkini di industri seterusnya meminimalkan jurang kompetensi mereka. Justeru, LSI ini juga boleh membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendekatan kerjasama strategik dengan industri yang tersedia terjalin.

### Pelaksanaan dan Pencapaian LSI dan PKI 2021

Pada tahun 2021 seluruh dunia sedang berhadapan dengan cabaran pandemik Covid-19, dan CIAST khususnya turut berhadapan dengan cabaran dan tidak terkecuali dengan Unit LSI. Namun begitu, berkat kesabaran dan usaha yang tidak mengenal erti jemu unit LSI telah berjaya mendepani cabaran Covid-19 dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti secara norma baharu iaitu melalui kaedah “Virtual Learning” disamping secara kaedah konvensional bersemuka.

**Jadual 9:** Senarai aktiviti di laksanakan bagi tahun 2021.

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1	Taklimat Pelaksanaan LSI/PKI kepada AI & AA	7 siri
2	Pelaksanaan LSI	150 peserta
3	Pelaksanaan PKI	550 peserta
4	Mesyuarat Kerja LSI/PKI	2 siri
5	Mesyuarat Kerja Outcome TITU	2 siri

**Jadual 10:** Pecahan peserta mengikut agensi

Bil	Agensi	Jumlah Peserta
1	Jabatan Pembangunan Kemahiran/ CIAST	1
2	Jabatan Tenaga Manusia	23
3	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	36
4	Kementerian Belia dan Sukan	30
5	Majlis Amanah Rakyat	27
6	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	31
7	Jabatan Kebajikan Masyarakat	1
8	Jabatan Penjara	1
	Jumlah Peserta	150

## **Taklimat Pelaksanaan LSI/PKI kepada Admin Agensi (AA) dan Admin Institut (AI).**

Taklimat Pelaksanaan LSI/PKI dibuat bertujuan bagi memberi kefahaman kepada semua pengajar/bakal peserta di semua 11 agensi terlibat iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)/CIAST, Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bahagian Pendidikan Latihan Teknik Dan Vokasional (BPLTV), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penjara Malaysia dan Maktab Teknik Polis Di Raja Malaysia (MTPDRM).

Taklimat diberikan hanya kepada AA dan AI supaya maklumat berkaitan dengan LSI/PKI dapat disampaikan kepada semua pegawai/pengajar setiap agensi/institut berkaitan. Dimana AA dan AI adalah diibaratkan sebagai counterpart atau menjadi wakil Unit LSI CIAST dalam membantu sebarang persoalan atau perkara berbangkit di institusi masing-masing berkaitan LSI/PKI.

Sasaran taklimat pada tahun ini adalah sebanyak 6 siri yang meliputi 6 zon utama iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Berikut adalah Jadual 11 yang menunjukkan taburan Taklimat Pelaksanaan LSI/PKI kepada AI dan AA 2021.

**Jadual 11:** Senarai Siri taklimat LSI

Bil	Siri/ Tarikh	Zon/Lokasi	Peserta
1	Siri 1 9.3.2021	Movenpick Hotel, KLIA Zon Tengah	60 orang yang terdiri daripada dari 11 agensi terlibat sekitar Selangor, Negeri Sembilan dan Selatan Perak.
2	Siri 2 22.3.2021	Ixora Hotel, Perai Zon Utara	50 orang yang terdiri dari 11 agensi di sekitar Pulau Pinang dan Utara Perak
3	Siri 3 7.4.2021	Secara Online Zon Sarawak	54 orang dari 11 agensi sekitar Sarawak.
4	Siri 4 8.4.2021	Secara Online Zon Sabah	46 orang dari 11 agensi sekitar Sabah.
5	Siri 5 29.7.2021	Secara Online Zon Timur dan Kedah	65 orang dari 11 agensi sekitar Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah
6	Siri 6 30.7.2021	Secara Online Zon Selatan dan Perlis	62 orang dari 11 agensi sekitar Johor, Melaka dan Perlis.
7	Siri 7 17.9.2021	Secara Online Politeknik Melaka (Atas Permintaan)	Pensyarah Politeknik Melaka

## PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI)

Program PKI ini adalah satu program yang membolehkan setiap agensi mendapatkan seorang atau lebih tenaga pakar dalam bidang yang dikenalpasti untuk berkongsi kepakaran mereka dengan pengajar.

Ia boleh dijalankan dalam bentuk seminar, kursus atau apa sahaja bentuk latihan yang bersesuaian secara bersemuka atau dalam talian.

**Jadual 12:** Peserta PKI mengikut agensi

Bil	Agensi	Bilangan Peserta (Pengajar Institut)
1	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	67
2	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)	10
3	Kementerian Belia & Sukan (KBS)	30
4	Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti , Kementerian Pendidikan Malaysia	16
5	Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) / Jabatan Pembangunan Kemahiran	427
<b>JUMLAH</b>		<b>550</b>

### PKI Siri 1 pada 16 Mac 2021

Tajuk: Machine Condition Monitoring.

Dilaksanakan oleh Unit Pengeluaran, Program PPK, CIAST. Melibatkan 20 orang peserta iaitu 16 lelaki dan 4 perempuan. Kursus ini berkaitan kerja-kerja preventive maintenance terhadap mesin-mesin/peralatan di bengkel. Penceramah adalah En Rozeman dari Handy Engineering Sdn Bhd.



**Rajah 3:** PKI Siri 1 Machine Condition Monitoring

### **PKI Siri 2 pada 16 - 17 Mac 2021**

Tajuk: Penulisan Ilmiah.

Dilaksanakan oleh Bahagian Korporat. Melibatkan 7 orang peserta iaitu 5 lelaki dan 2 perempuan. Kursus ini berkaitan kaedah atau tatacara penulisan sebuah buku. Penceramah ialah Tuan Haji Selamat Sainayune, Pengarah, Muzium PDRM.



**Rajah 4:** PKI Siri 2 Penulisan Ilmiah

### **PKI Siri 3 pada 5 April 2021**

Tajuk:Teknologi Dron: Kegunaan & Pekerjaan.

Dilaksanakan oleh ILP Mersing, Jabatan Tenaga Manusia. Melibatkan 25 orang peserta iaitu 18 lelaki dan 7 perempuan. Kursus ini memperkenalkan peserta kepada dron dan aplikasi penggunaan seharian. Ia juga menambah pengetahuan pengajar tentang jenis-jenis, teknologi dan kegunaan dron yang semakin luas di pelbagai industri. Penceramah ialah En. Syaqir Al-Ezree bin Misni dari Prestige Geomatic Resources.



**Rajah 5:** PKI Siri 3 Teknologi Dron

### PKI Siri 4 pada 8 April 2021

Tajuk: Introduction to VR Arc Welding and CNC Plasma Cutting Table System.


Dilaksanakan oleh Unit Kimpalan, Program PPK, CIAST. Melibatkan 5 orang peserta. Kursus ini berkaitan pengenalan kepada VR ARC Welding dan CN Plasma Cutting Table System iaitu teknologi dan kegunaannya yang semakin luas penggunaannya di pelbagai industri. Penceramah ialah Pn. Annabella Florence dari Lincoln Electric Malaysia Sdn. Bhd.

### PKI Siri 5 pada 27 Mei 2021

Tajuk: Pengaturcaraan Microbait.

Dilaksanakan oleh Kolej Vokasional Banting Selangor anjuran Bahagian Pendidikan & latihan Teknik Vokasional (BPLTV) secara dalam talian. Melibatkan 10 orang peserta iaitu 4 lelaki dan 6 perempuan.

Kursus ini menambah pengetahuan sedia ada tentang elektronik kawalan seiring dengan teknologi masa sekarang yang lebih mementingkan kecekapan dan kemudahan melalui inovasi. Kursus ini juga dapat meningkatkan kerjasama dalam kumpulan ketika melakukan sesuatu kerja. Penceramah ialah Ts. Dr. Ruzlaini binti Goh dari TATI College Terengganu.




**Rajah 6:** PKI Siri 5 Pengaturcaraan Microbait

### **PKI Siri 6 pada 28 Jun 2021**

Tajuk: Industrial Instrumentation and Revolution Technology To Industry 4.0

Dilaksanakan oleh ADTEC Kemaman Terengganu di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Melibatkan 16 orang peserta iaitu 9 lelaki dan 7 perempuan.

Kursus ini berkaitan peningkatan pengetahuan pengajar-pengajar terhadap Industrial Instrumentation and Revolution Technology To Industry 4.0. Penceramah ialah En. Azhar Bin Mat Noor dari Hayyan Jaya Trading. Kursus PKI ini dijalankan sepenuhnya di atas talian.




**Rajah 7:** PKI Siri 6 Industrial Instrumentation

### **PKI Siri 7 pada 12 - 14 Julai 2021**

Tajuk: Industrial Building System - Interlocking.

Dilaksanakan oleh IKTBN Chembong negeri Sembilan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) secara dalam talian. Melibatkan 10 orang peserta iaitu 3 lelaki dan 7 perempuan. Kursus ini memberi kefahaman kepada peserta untuk memahami konsep rekabentuk yang sesuai untuk pembinaan rumah menggunakan batu IBS dan juga memahami kaedah yang digunakan untuk mengira kuantiti bahan yang terlibat, kos, teknik dan kaedah yang betul untuk pemasangan batu IBS. Penceramah ialah Pn. Intan Safinaz binti Mohd Raizi dari Puncak Rahmat Global (M) Sdn. Bhd.



**Rajah 8:** PKI Siri 7 Industrial Building System

### **PKI Siri 8 pada 13 - 15 Julai 2021**

Tajuk PKI : Application of Internet of Things (IoT) and Augmented Reality (AR) in Practical. Dilaksanakan oleh IKTBN Chembong Negeri Sembilan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) secara dalam talian. Melibatkan 10 orang peserta iaitu 3 lelaki dan 7 perempuan. Kursus ini mengenalpasti konsep dan terminologi, eko-sistem, protokol dan platform dalam IoT. Disamping itu, mengkaji peranti dan antara-muka (interfaces) baharu yang mendorong kepada perkembangan IoT. Seterusnya, menghubungkaitkan perspektif perniagaan IoT melalui kelebihan-kelebihan teknologi tersebut dan mengetahui implikasi IoT untuk perniagaan. Selain itu, mengkaji peranan yang membolehkan teknologi untuk IoT, seperti cloud dan Big Data serta mengenalpasti isu-isu keselamatan dan tadbir urus berkaitan IoT. Penceramah ialah Ts. Ir. Dr. Nordin bin Ramli dari Adroit Solution Sdn. Bhd.



**Rajah 9:** PKI Siri 8 Application of Internet of Things (IoT)

Sesi Perkongsian bersama Mantan Pengarah CIAST bertajuk “Pengurusan & Kepimpinan TVET”

Sesi diadakan pada 13 Oktober 2021 jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi secara dalam talian melibatkan 187 orang pengajar TVET daripada pelbagai agensi. Perkongsian pelbagai pengalaman dan ilmu oleh Mantan Pengarah CIAST iaitu Tn. Haji Ghazlan bin Ghazali sepanjang bertugas dalam Perkhidmatan Awam sehingga bersara.



**Rajah 10:** Pengurusan & Kepimpinan TVET

## PROGRAM PEMBANGUNAN PENGAJAR KEMAHIRAN

### LAPORAN KURSUS JANGKA PENDEK PPK TAHUN 2021

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran melalui Unit Peningkatan Kemahiran & Latihan (UPKL), menawarkan kursus-kursus dan latihan jangka pendek dalam bidang pengeluaran, automotif, kimpalan, elektrik & elektronik, mekatronik, dron dan komputer.

Kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan program PPK adalah seperti berikut:

Modular/ Customised – kursus jangka pendek yang ditawarkan dalam kalender tahunan CIAST dan menyasarkan penyertaan daripada pengajar TVET dan individu yang berminat untuk meningkatkan tahap kemahiran dalam bidang teknikal

PENJANA Skills4Future – kursus yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan bagi membantu pekerja-pekerja industri mendapatkan kemahiran baharu atau meningkatkan kemahiran sedia ada sebagai nilai tambah yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan baharu.

Reskilling – kursus teknikal dan vokasional yang dilaksanakan kepada pengajar-pengajar CIAST bagi tujuan peningkatan kemahiran.

TOT IR4WARD – kursus Train of Trainer yang dibiayai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang bertujuan untuk melahirkan master trainer dalam bidang-bidang Industri 4.0 seperti Additive Manufacturing, Autonomous Vehicle, Smart Factory dan Drone Operation. Peserta yang terlibat adalah daripada agensi-agensi TVET seluruh Malaysia.

PERKESO – kursus yang dilaksanakan kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja dan mencarum di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO dan juga pekerja-pekerja yang baru dilantik di bawah syarikat yang menyertai program PENJANA KERJAYA PERKESO.

Bilangan kursus jangka pendek yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 oleh program PPK adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual 13:** Kursus Jangka Pendek dilaksanakan

Nama Program	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
MODULAR/ CUSTOMISED	8	134
PENJANA	10	98
RESKILLING	2	17
TOT IR4WRD	17	166
KURSUS PERKESO	11	29
JUMLAH KESELURUHAN	48	444

### Kursus Modular/Customised

**Jadual 14:** Senarai Kursus Modular/Customised

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	CNC MILLING	15 - 19 Mac 2021	3
2	GTAW PROCESS ON ALUMINIUM PLATE 3G POSITION	6 - 9 April 2021	5
3	INTENSIVE ONLINE COURSE ON E-CERT DEVELOPMENT VIA AUTOCRAT	24 Jun 2021	72
4	VEHICLE FIRE: SYSTEM APPROACH FOR FIREFIGHTER	25 -29 Oktober 2021	14
5	APPRECIATION OF NON-DESTRUCTIVE TESTING (NDT) (VI, RI, UT, MT, PT)	1 - 3 November 2021	15
6	APPRECIATION OF NON DESTRUCTIVE TESTING (NDT) (VI,RI,UT,MT,PT)	8 – 12 November 2021	4
7	3D MODELLING ENGINEERING DRAWING (AUTODESK INVENTOR)	22 – 26 November 2021	9
8	3D PRINTING TECHNOLOGY AND APPLICATION	7 – 9 Disember 2021	12
<b>JUMLAH</b>			<b>134</b>

## Kursus PENJANA Skills4Future CIAST

**Jadual 15:** Senarai Kursus PENJANA

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	DISASTER RECOVERY MANAGEMENT	15, 16 & 18 Februari 2021 (online) dan 29 & 30 Mac 2021	12
2	PLC PROGRAMMING AND APPLICATION FOR INDUSTRIAL MOTOR CONTROL (MITSUBISHI PLC)	8 - 11 Mac 2021	10
3	BASIC PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER (PLC)	8 - 12 Mac 2021	10
4	BASIC VEHICLE SERVICING AND MAINTENANCE SIRI 1	16 - 18 Mac 2021	12
5	BASIC DRONE PILOTING SIRI 1	23 & 24 Mac 2021	10
6	BASIC SMAW AND GMAW ON CARBON STEEL PLATE - SIRI 1	23 - 25 Mac 2021	10
7	BASIC VEHICLE SERVICING & MAINTENANCE SIRI 2	29 - 31 Mac 2021	7
8	BASIC SMAW AND GMAW ON CARBON STEEL PLATE - SIRI 2	30 Mac - 1 April 2021	10
9	BASIC DRONE PILOTING SIRI 2	5 & 6 April 2021	7
10	3D MODELLING PRODUCT DESIGN AND ENGINEERING DRAWING (AUTODESK INVENTOR)	5 hingga 9 April 2021	10
<b>JUMLAH</b>			<b>98</b>

## Kursus Reskilling

**Jadual 16:** Senarai Kursus Reskilling

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	PLC PROGRAMMING FOR SMART FACTORY APPLICATION	19 - 23 April 2021	4
2	KURSUS PEMBANGUNAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ALAF 21 BAGI VTO DAN BENGKEL CIAST SIRI 1 (TEORI)	16 hingga 18 Ogos 2021	13
<b>JUMLAH</b>			<b>17</b>

## Kursus TOT Industry 4WARD

**Jadual 17:** Senarai Kursus TOT Industry 4WARD

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	AUTONOMOUS VEHICLE SENSING SYSTEM	20 September – 1 Oktober 2021	12
2	SMART FACTORY - OT (SYSTEM INTEGRATION)	27 September - 8 Oktober 2021	9
3	DESIGN AND OPTIMIZATION IN ADDITIVE MANUFACTURING CERTIFICATION	4 - 8 Oktober 2021	10
4	SMART FACTORY - OT (SENSOR AND ACTUATOR)	11 - 23 Oktober 2021	10
5	DRONE OPERATION FOR AERIAL PHOTOGRAPHY, VIDEOGRAPHY AND MONITORING	24 - 27 Oktober 2021	10
6	3D METAL PRINTING CERTIFICATION	25 - 29 Oktober 2021	10
7	UNMANNED AERIAL SYSTEM AND FIRST-PERSON VIEW DRONE OPERATION	20 - 21 Oktober 2021	12
8	MANUFACTURING EQUIPMENT CONDITION MONITORING FOR SMART MAINTENANCE	20 - 22 Oktober 2021	6
9	ADVANCE INDUSTRIAL IOT	25 - 28 Oktober 2021	10
10	DJI MAVIC PRO DRONE OPERATION FOR BUILDING INSPECTION	28 - 29 Oktober 2021	12
11	DRONE OPERATION FOR SURVEYING, 2D & 3D AERIAL MAPPING	1 – 3 November 2021	10
12	AUTONOMOUS DRIVING VEHICLES ENABLED BY TECHNOLOGY ADVANCES	1 – 12 November 2021	11
13	DRONE OPERATION FOR AGRICULTURE AND PLANT HEALTH ANALYSIS	8 – 10 November 2021	10
14	ELECTRIC MOTOR AND PUMP MAINTENANCE FOR SUSTAINABLE MANUFACTURING SYSTEM	1 – 3 November 2021	6
15	SMART FACTORY - IOT GATEWAY	8 – 11 November 2021	8
16	MASTERCAM CNC MILLING APPLICATION	9 – 11 November 2021	8
17	DJI ACTIVE TRACK DRONE OPERATION IN ARIEL PHOTOGRAPHY.	11 – 12 November 2021	12
<b>JUMLAH</b>			<b>166</b>

## Kursus PERKESO

**Jadual 18:** Senarai Kursus PERKESO


Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER (PLC)	8 – 12 Mac 2021	3
2	INDUSTRIAL ELECTRICAL WIRING INSTALLATION & AIR-CONDITIONING SYSTEM	15 – 25 Mac 2021	3
3	BASIC CAD (2D & 3D)	15 – 19 Mac 2021	1
4	CNC MILLING & CNC LATHE MACHINING	15 – 19 Mac & 29 Mac – 2 April 2021	1
5	COMPUTER NETWORK SERVICE	29 Mac – 2 April 2021	5
6	BASIC VEHICLE SERVICING & MAINTENANCE	29 Mac – 2 April 2021	3
7	BASIC DRONE PILOTTING & ARIAL PHOTOGRAPHY	5 – 9 April 2021	4
8	CAD (AUTODESK INVENTOR) - PRODUCT DESIGN	5 – 16 April 2021	1
9	PLC SEQUENCE CONTROL PROGRAMMING AND APPLICATION	12 – 16 April 2021	1
10	APPRECIATION OF NON-DESTRUCTIVE TESTING (NDT) (VI, RI, UT, MT, PT)	8 – 12 November 2021	2
11	BASIC DRONE PILOTTING & ARIAL PHOTOGRAPHY	22 – 26 November 2021	5
<b>JUMLAH</b>			<b>29</b>



**Rajah 11:** Kursus Vehicle Fire System Approach For Firefighter



**Rajah 12:** Kursus PENJANA



**Rajah 13:** Kursus PERKESO



**Rajah 14:** Kursus TOT IR4WARD

## PROGRAM PEMBELAJARAN ELEKTRONIK DAN MULTIMEDIA

Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM), menawarkan kursus jangka pendek dalam bidang ICT dan Multimedia. Program ini menawarkan pelbagai kursus yang akan membangunkan kemahiran dalam komputeran multimedia dan juga pengetahuan secara mendalam berkaitan dengan teknologi multimedia terkini. Semua kursus yang ditawarkan adalah direkabentuk untuk memberikan kefahaman mendalam berkaitan teknologi multimedia dan kemahiran yang membolehkan para peserta menggunakan multimedia secara kreatif.

Program ini mengendalikan kursus jangka pendek seperti kursus Modular, kursus Customised, kursus Reskilling, kursus Penjana, kursus In-house dan kursus MTCP.

Pelaksanaan kursus di bawah program ini telah berjaya direalisasikan pada tahun 2021 dengan melatih seramai 372 / 30 kursus. Peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang serta dari institusi latihan awam, persendirian dan swasta. Kursus telah dijalankan secara bersempena dan atas-talian semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berikut adalah kursus-kursus jangka pendek yang telah dijalankan di Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM) bagi tahun 2021.

### KURSUS MODULAR

**Jadual 19:** Kursus Modular

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	eLearning Content Development	8 - 9 Mac 2021	5
2	Animated Graphics With Prezi and Powtoon	22 - 23 Mac 2021	8
3	Microsoft Word 2016 and Microsoft Excel 2016 for Daily Usage	24 - 25 Mac 2021	9
4	Gamification in Assessment	29 Mac 2021	6
5	Instructional Video Production	30 Mac - 1 Apr 2021	4
6	Adobe Photoshop	7 - 8 Apr 2021	6
7	PHP Web Development	25 - 26 Okt 2021	4
8	Digital Video Editing	17 - 18 Nov 2021	8

### KURSUS RESKILLING

**Jadual 20:** Kursus Reskilling

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Google Certified Educator (Level 1)	24 Mei – 2 Jun 2021	10

## KURSUS IN-HOUSE

**Jadual 21:** Kursus In House

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian-Menggunakan Aplikasi Zoom Siri 1	13 Jan 2021	22
2	Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian-Menggunakan Aplikasi Zoom Siri 2	18 Jan 2021	24
3	Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran Berinteraktif Atas Talian	19 - 21 Jan 2021	35
4	Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian-Menggunakan Aplikasi Zoom Siri 3	17 Feb 2021	49
5	Pembangunan Slaid Pembentangan	23 - 24 Feb 2021	21
6	Literasi Pangkalan Data MYSPIKE/TIPS – Introduction to MySQL	30 Mac – 2 Apr 2021	8
7	Microsoft Excel 2016 - Asas & Pertengahan	5 Okt 2021	16

## KURSUS IR4WRD

**Jadual 22:** Kursus IR4WRD

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	3D Modelling & Mobile/Web Application for AR/VR Siri 1	23 – 25 Ogos 2021	10
2	3D Modelling & Mobile/Web Application for AR/VR Siri 2	1 – 3 Sept 2021	10
3	Game Development & Gamification for AR/VR Siri 1	6 – 8 Sept 2021	10
4	Game Development & Gamification for AR/VR Siri 2	13 – 15 Sept 2021	10
5	AR/VR in Digital Transformation and Industry 4.0	1 - 3 Nov 2021	10

## KURSUS PENJANA (PERUNTUKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN)

**Jadual 23:** Kursus PENJANA

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Image & Graphic Design	4-5 Jan 2021	16
2	Digital Sound Reinforcement	23 – 31 Mac 2021	2
3	Adobe Photoshop & Adobe Illustrator	19-23 Apr 2021	10
4	Digital Video Editing	20-21 Apr 2021	7

## KURSUS PERKESO (SIP PERKESO & PENJANA PERKESO)

**Jadual 24:** Kursus PERKESO

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Adobe Photoshop	15 – 19 Mac 2021	2

## KURSUS PLK (KHUSUS LATIHAN KEMAHIRAN)

**Jadual 25:** Kursus PLK

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Enhancing AR/VR Application with Artificial Intelligence (AI)	27 – 29 Okt 2021	10



**Rajah 15:** Kursus Gamification in Assessment



**Rajah 16:** Kursus Live Video Technology for Online Training in New Norm



**Rajah 17:** Kursus Adobe Photoshop & Adobe Illustrator

## PROGRAM PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN LATIHAN

### **PEMBANGUNAN FASILITATOR**

Pada tahun 2021, Unit Pembangunan Fasilitator (UPF) telah melaksanakan Latihan kepada peserta Awam dan Swasta yang terdiri dari pelbagai agensi yang telah berdaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pakar-pakar industri yang terlibat dalam Pembangunan National Occupational Skill Standard (NOSS). Latihan yang terlibat adalah meliputi Kursus Pembangunan NOSS, Written Instructional Material (WIM), Soalan, Latihan Sangkutan Fasilitator dan kursus Kemahiran Fasilitator.

### **KURSUS/TAKLIMAT PEMBANGUNAN NATIONAL OCCUPATIONAL SKILL STANDARD (NOSS)**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pakar-pakar industri yang terlibat dalam pembangunan dan kelulusan NOSS mengenai teknik dan tatacara membangunkan Occupational Structure (OS), Occupational Area Structure (OAS), Competency Profile Chart (CPC), Competency Profile (CP), Curriculum of Competency Unit (CoCU) dan Standard Practice (SP) untuk memenuhi Standard pekerjaan di Malaysia.

### **KURSUS/TAKLIMAT WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM)**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertauliah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan Pelan Mengajar, Kertas Penerangan, Kertas Tugasan dan Kertas Kerja berasaskan keperluan Unit Kompetensi dalam National Occupational Skill Standard (NOSS).

### **KURSUS/TAKLIMAT PEMBANGUNAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertauliah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan soalan yang memenuhi keperluan Unit Kompetensi dalam National Occupational Skill Standard (NOSS).

### **KURSUS KEMAHIRAN FASILITATOR**

Kursus ini adalah untuk peserta-peserta berkelayakan yang telah berjaya melalui kursus pembangunan dengan jayanya. Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan teknik dan tatacara kemahiran fasilitator sebagai persediaan bagi membangunkan NOSS, WIM dan Soalan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Bakal Fasilitator perlu menduduki Ujian Prestasi dan Ujian Pengetahuan. Calon perlu lulus keseluruhan ujian seperti yang telah ditetapkan.

**Jadual 26:** Bilangan Siri Kursus dan Peserta

Perkara	Siri	Peserta
Kursus/Taklimat Pembangunan WIM	9	340
Kursus/Taklimat Pembangunan SOALAN	10	343

**Jadual 27:** Bilangan Pentauliahan Fasilitator

Pentauliahan Fasilitator WIM	3
Pentauliahan Fasilitator Soalan	8

## KURSUS KAKITANGAN

Sebanyak 9 kursus yang melibatkan 251 peserta telah diadakan. Kursus-kursus yang dilaksanakan adalah kepada semua warga kerja CIAST iaitu kepada pegawai skim DV dan yang lain seperti pentadbiran, kewangan dan pemandu. Kursus yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan untuk melaksanakan tugas harian pegawai.

**Jadual 28:** Senarai Kursus yang dilaksanakan

Bil	Tajuk	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Kursus Komunikasi Profesional	6/4 - 7/4	23
2	Penggunaan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset	8/4 - 9/4	19
3	Planning & Organizing Skills – Achieving Your Highest Priorities	30/6 - 2/7	30
4	Kursus Pengurusan Jenazah	29/08	53
5	Kursus Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan (Epembelajaran)	16/8 - 17/8	38
6	Kursus Motivasi S.U.C.C.E.S.S	02/ 09	28
7	Take Your Leadership From Good To Great: Leading To Serve Strategies For Senior Leaders	07/9 - 08/09	24
8	Kursus Keselamatan	29/9	18
9	Penggunaan Sistem Pengurusan Stor (SPS)	26-27/10	18

## SISTEM PROFIL KOMPETENSI PENGAJAR TVET – SISTEM TIPS

TVET Instructor eProfiling System (TiPS) adalah sistem atas talian pangkalan data berpusat pengajar TVET Malaysia. Sehingga Disember 2021, sejumlah 29,783 pengajar TVET awam dan swasta berdaftar di TiPS. TiPS berperanan untuk mengenalpasti jurang kompetensi pengajar TVET dengan kaedah yang sistematik serta menyediakan platform padanan latihan untuk peningkatan kompetensi pengajar TVET. Sepanjang tahun 2021, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memastikan ia terus berfungsi dan menyumbang kepada usaha pemantapan kompetensi pengajar.

**Jadual 29:** Aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun

Bil	Aktiviti	Bilangan Siri	Pencapaian
1	Pemantapan Sistem TiPS	2	1 Modul
2	Pemantapan Fasilitator TiPS	1	56 Fasilitator
3	Pembangunan Ability Checklist (ACL)	5	12 ACL
4	Kursus Pembangunan Fasilitator TiPS – CUDBAS Leader	2	20 Fasilitator
5	Kursus Aplikasi TiPS	5	180 pentadbir sistem
6	Taklimat TiPS	6	766 pengguna
7	Kursus Asas CUDBAS	8	90 peserta



**Rajah 18:** Sesi mesyuarat secara dalam talian



**Rajah 19:** Sesi taklimat dan bimbingan Sistem TiPS kepada Pusat Bertauliah Swasta



**Rajah 20:** Sesi Demonstrasi TiPS Templete Versi 4.0 oleh mentor



**Rajah 21:** Perbincangan dalam kumpulan mengikut bidang bagi setiap sesi bengkel pembangunan ACL


## PROGRAM KELAYAKAN KEKOMPETENAN

### PENGURUSAN PERSONEL SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

Dalam memastikan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dapat beroperasi dengan lancar, CIAST telah ditugaskan untuk menguruskan perkara berkaitan Personel SPKM. Pengurusan Personel ini melibatkan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP), Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) dan Fasilitator Bertauliahan (FB).

### PERAKUAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN SEBAGAI PERSONEL PENTAULIAHAN (PPKSPP)

PPKSPP adalah satu perakuan yang diberi kepada personel Pusat Bertauliahan (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang bertanggungjawab dalam pengurusan latihan kemahiran, membimbing, menyelia dan menilai pelatih / perantis di PB. Ia adalah berdasarkan kepada kelayakan yang dimiliki oleh personel tersebut dan juga program bertauliahan dengan merujuk kepada Daftar Standard yang berkuatkuasa dan hanya melibatkan tujuh (7) perjawatan berikut:




Rajah 22: Perjawatan PPKSPP

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 32,126 permohonan PPKSPP telah dibentangkan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 30 berikut.

**Jadual 30:** Permohonan PPKSPP

Perjawatan	Lulus	Gagal
PPB	571	1,000
PPD	3,317	3,286
PP	5,524	6,437
PP-Modular	664	448
PPB-SLDN	758	963
COACH	3,567	2,873
P-SLDN	1,166	1,552

Daripada jumlah keseluruhan permohonan, 15,567 (48.46%) daripadanya memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan telah diluluskan melalui Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan. Carta menunjukkan peratusan perakuan PPKSPP yang diluluskan mengikut perjawatan.



Rajah 23: Peratus perakuan PPKSPP mengikut perjawatan

## PERSONEL PENILAIAN DAN VERIFIKASI (PPV)

Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) merupakan individu yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan berpengalaman dalam bidang. PPV berperanan dalam pelaksanaan penilaian, penentusan dan jaminan mutu Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

PPV terbahagi kepada empat (4) perjawatan sebagaimana yang disenaraikan dalam rajah di bawah mengikut tiga (3) kaedah persijilan berikut;

	1	2	3
Kaedah Persijilan	Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
Perjawatan PPV	i. Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah (PPL-SLaPB)	i. Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN)	i. Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT) ii. Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)

Rajah 24: Perjawatan PPV

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 8,167 permohonan PPV telah dibentangkan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM mengikut perjawatan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 31.

**Jadual 31:** Jumlah permohonan PPV mengikut perjawatan

Perjawatan	Lulus	Gagal
PPL-PPT	464	861
PPL-SLDN	582	740
PP-PPT	1,129	1,323
PPL-SLaPB	1,795	1,273

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 3,970 permohonan yang memenuhi syarat telah diluluskan melalui Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan. Syarat dan prosedur permohonan PPV boleh dirujuk di portal rasmi CIAST. Jadual 32 menunjukkan peratusan perakuan PPV yang diluluskan mengikut perjawatan.

**Jadual 32:** Peratusan perakuan (permohonan Lulus) mengikut perjawatan

Perjawatan	% Kelulusan perakuan
PPL-PPT	12%
PPL-SLDN	15%
PP-PPT	28%
PPL-SLaPB	45%

## FASILITATOR BERTAULIAH (FB)

Selain PPV dan PPKSPP, CIAST turut melaksanakan perakuan Fasilitator Bertauliah (FB) bagi memastikan JPK mempunyai personel yang berkelayakan dalam menghasilkan dokumen standard dan kurikulum latihan yang mencapai kompetensi dan standard sesuatu pekerjaan bagi memenuhi keperluan industri negara.

Terdapat empat perjawatan FB iaitu;

- i. Fasilitator Bertauliah DESCUM (FB DESCUM)
- ii. Fasilitator Bertauliah WIM (FB WIM)
- iii. Fasilitator Bertauliah Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (FB Soalan)
- iv. CUDBAS Leader

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 105 permohonan FB telah dibentangkan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM mengikut perjawatan sebagaimana Jadual 33.

**Jadual 33:** Jumlah permohonan FB mengikut perjawatan

Perjawatan	Lulus	Gagal	Jumlah
CUDBAS Leader	6	9	15
FB DESCUM	14	12	26
FB WIM	10	20	30
FB Soalan	12	22	34

### KURSUS INDUKSI PENTAUULIAHAN (PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL)

Kursus Induksi Pentauliahan adalah kursus yang dianjurkan untuk memperkenalkan kaedah pentauliahan program dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada orang awam. Terdapat tiga (3) jenis Kursus Induksi Pentauliahan yang dilaksanakan seperti berikut:

- i. Kursus Induksi Pentauliahan Pegawai Penilai-Pegawai Pengesahan Dalaman-Pengurus Pusat Bertauliah (PP-PPD-PPB);
- ii. Kursus Induksi Pentauliahan Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT); dan
- iii. Kursus Induksi Pentauliahan Pegawai Pengesah Luaran (PPL).

Kursus-kursus ini dianjurkan oleh pihak swasta dan juga awam, manakala CIAST pula bertindak selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah sama ada pegawai daripada Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah-Wilayah atau CIAST akan ditugaskan bagi setiap penganjuran kursus induksi pentauliahan PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 221 kursus induksi telah dianjurkan secara dalam talian dengan menggunakan platform OpenLearning. Butiran penganjuran kursus adalah seperti di Jadual 34

**Jadual 34:** Penganjuran dan bilangan peserta KIP 2021

Jenis Kursus	Siri	Peserta
PP-PPD-PPB	173	4,175
PP-PPT	25	714
PPL	23	760
JUMLAH	221	5,649

## SESI PEMBAHARUAN PENILAIAN DAN VERIFIKASI TAHUN 2021

Sesi penilaian lantikan penceramah Kursus Induksi Pentauliahan telah dilaksanakan sebanyak 58 siri yang bertujuan untuk memperbaharui lantikan Pegawai Penilai Verifikasi (PPV) yang berkelayakan. Seramai 1,351 peserta telah menyertai sesi penilaian ini secara dalam talian. Sesi ini melibatkan penilaian secara pembentangan, penilaian objektif dan juga eseи. Jadual 35 merupakan jadual pelaksanaan sesi pembaharuan penilaian dan verifikasi.

**Jadual 35:** Verifikasi PPV

Bil	Siri	Tarikh	Jumlah Peserta
1	ZON SELATAN 1	8 – 10 Februari 2021	30
2	ZON TENGAH 1	22 – 25 Februari 2021	40
3	ZON UTARA 1	1 – 3 Mac 2021	30
4	ZON TIMUR 1	8 – 10 Mac 2021	30
5	ZON SABAH 1	5- 8 April 2021	40
6	ZON SARAWAK 1	12 - 15 April 2021	40
7	ZON SELATAN 2	5 – 8 Julai 2021	40
8	ZON TENGAH 2	12 – 15 Julai 2021	40
9	ZON UTARA 2	16 – 19 Ogos 2021	40
10	ZON TIMUR 2	23 – 26 Ogos 2021	40
11	ZON SARAWAK 2	20 – 23 September 2021	40
12	ZON SABAH 2	27 – 30 September 2021	40
13	GIATMARA KHAS	18 Ogos, 30 Ogos, 7 September, 14 September, 21 September, 23 September, 5 Oktober, 7 Oktober, 12 Oktober, 14 Oktober dan 18 Oktober 2021	901
<b>JUMLAH</b>			<b>1,351</b>

## LATIHAN ANTARABANGSA

CIAST telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) sebagai penyedia latihan bagi melaksanakan Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP). Manakala bagi Third Country Training Programme (TCTP), penganjuran kursus adalah melibatkan kolaborasi bersama dengan Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Japan International Cooperation Agency (JICA). Kepercayaan dan mandat yang telah diberikan kepada CIAST sebagai salah satu agensi latihan kemahiran untuk mengendalikan program MTCP dan TCTP telah membuktikan kredibiliti CIAST dalam menyediakan latihan kemahiran kepada tenaga pengajar dan seterusnya mengangkat imej CIAST sebagai peneraju dalam latihan pengajar dan TVET di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Program MTCP telah dilancarkan pada tahun 1980 sebagai komitmen Malaysia untuk menjalinkan Kerjasama Selatan-Selatan dan menjadi platform bagi Malaysia untuk berkongsi pengalaman dengan negara-negara membangun yang lain. Pelaksanaan MTCP adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa pembangunan sesebuah negara adalah bergantung pada kualiti modal serta sumber manusia.


Pada tahun 2021, Unit Latihan Antarabangsa, CIAST telah menganjurkan sebanyak lima (5) kursus antarabangsa meliputi empat (4) kursus MTCP dan satu (1) kursus TCTP. Seramai 73 peserta antarabangsa dari pelbagai negara telah menyertai kursus ini. Maklumat kursus yang dianjurkan adalah seperti di Jadual 36.

**Jadual 36:** Senarai kursus dilaksanakan

Nama Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta
Live Video Technology For Online Training In New Norm	22- 26 Mac 2021 5-9 April 2021 31 Mei-4 Jun 2021	28
Introduction For Industrial Automation For IR4.0	19-23 April 2021 26-30 April 2021 31 Mei-4 Jun 2021	10
Train The Trainers For TVET	20-24 Sept 2021	20
Interactive Courseware for Online Learning Content Development in New Norm	20-24 Sept 2021	12
Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET): Arc Welding Procedures Specification Based on ASME IX Code and Train the Trainer	18-29 Oktober 2021	3



**Rajah 25:** Majlis Pembukaan Program MTCP Secara Dalam Talian Tahun 2021




**Rajah 26:** Majlis Pembukaan Program TCTP Secara Dalam Talian Tahun 2021



**Rajah 27:** Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Amali Kursus

**Rajah 28:** Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Secara Dalam Talian



## KAMPUS SATELIT CIAST


Sepanjang tahun 2021, beberapa siri mesyuarat secara dalam talian (*online*) telah diadakan. Mesyuarat Pengurusan CIAST bersama Pengurusan institut juga telah diadakan seperti berikut;

**Jadual 37:** Senarai mesyuarat yang dilaksanakan

Bil	Perkara	Tarikh
1	Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama ADTEC Taiping	11 Februari 2021
2	Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama Kolej Pertanian Malaysia (KPM)	25 Februari 2021
3	Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama IKBN Kuala Langat	27 Mei 2021
4	Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama ILP Selandar	3 Jun 2021
5	Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama ILP Sandakan	21 Jun 2021
6	Mesyuarat Pengurusan Kampus Satelit CIAST Bersama Pengurusan ADTEC BINTULU	23 Jun 2021



**Rajah 29:** Mesyuarat Pengurusan Kampus Satelit CIAST Bersama Pengurusan ADTEC Taiping




**Rajah 30:** Mesyuarat Pengurusan Kampus Satelit CIAST Bersama Kolej Pertanian Malaysia (KPM)



**Rajah 31:** Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama IKBN Kuala Langat



**Rajah 32:** Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama ILP Sandakan



**Rajah 33:** Mesyuarat Pengurusan CIAST Bersama Pengurusan ADTEC Bintulu

## MESYUARAT PENGURUSAN CSC BIL 1/2021

Mesyuarat Pengurusan CSC telah diadakan pada 24 Februari 2021 secara dalam talian. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan dan menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berkaitan dengan operasi dan latihan di 14 buah CSC yang berada di seluruh Malaysia.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Perancangan dan Pembangunan CIAST, En. Mohd Ghazali Bin Udin dan dihadiri oleh Dr. Norhuda binti Salim (Ketua Program PPK), En. Mohd Nuzi bin Yaacob (Ketua Program KK), Puan Ainin Nisak binti Ahmad Asnawi (Ketua Program PEM), Encik Ahmad Zahiri bin Abdul Kadir (KB KP), Puan Azlina binti Mohamad Shafie (Wakil Ketua Program PPL), pegawai-pegawai daripada 14 buah CSC seluruh Malaysia dan Unit Pengurusan Kampus Satelit CIAST.



**Rajah 34:** Mesyuarat Pengurusan CSC 1/2021

## MESYUARAT PENGURUSAN CSC BIL 2/2021

Mesyuarat telah diadakan pada 23 Ogos 2021 secara dalam talian. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pn. Hjh. Zuleah Binti Darsong, Pengarah CIAST dan dihadiri oleh En. Azian Bin Hussin (Timbalan Pengarah Pengurusan Pembangunan CIAST), Dr. Norhuda binti Salim (Ketua Program PPK), Puan Ainin Nisak binti Ahmad Asnawi (Ketua Program PEM), Dr. Puteh Melor Wesma Binti Salehen (Ketua Program SPD), Ts. Azkar Albar Abu Bakar (Wakil Ketua Program KK), Puan Azlina binti Mohamad Shafie (Wakil Ketua Program PPL), pegawai-pegawai daripada 14 buah CSC seluruh Malaysia, Unit Pengurusan Kampus Satelit CIAST dan Bahagian Khidmat Pengurusan CIAST.



**Rajah 35:** Mesyuarat Pengurusan CSC 2/2021

### **MESYUARAT PRE-COUNCIL PENGURUSAN CIAST BERSAMA KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA (JTM)**

Mesyuarat Pre-council Pengurusan CIAST bersama KP JTM telah diadakan secara dalam talian pada 14 September 2021. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan isu-isu berkenaan penyelenggaraan, pembelian bahan latihan dan guna habis bagi CSC yang berada di ILJTM seluruh Malaysia.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pn. Hjh Zuleah Binti Darsong, Pengarah CIAST dan pengerusi kedua, En. Mat Setia bin Mohd Raji, Timbalan Ketua Pengarah JTM.

Mesyuarat telah dihadiri oleh En. Jamil Bin Yahya (Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan CIAST), En. Azian Bin Hussain, Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan CIAST), En. Baharil Ihzan Bin Onn (Wakil Ketua Program PPK CIAST), Ts. Shahlisa Cheah Binti Shihabudin (Ketua Unit Pengurusan CSC CIAST), Pn. Azlina Binti Mohamad Shafie (Ketua Bahagian PPP PPL CIAST), En. Asbul Hadi Bin Mat Yunus (Ketua Unit Perolehan BKP CIAST), Pn. Sitti Aisa Binti Jamaludin (KPSU KSM), Pn. Hayaton Na'imah Binti Mohd Yunus (Akuntan KSM), En. Muhammad Hafiz Bin Harun (KPP Kewangan JTM), pegawai-pejawai pengurusan JTM, KSM dan CIAST.

## MESYUARAT PENYELARASAN PENGURUSAN OPERASI CSC BERSAMA ILKBS

Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Operasi CSC bersama ILKBS telah diadakan secara dalam talian pada 22 September 2021. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan isu-isu berkenaan penyelenggaraan, pembelian bahan latihan dan guna habis CSC yang berada di ILKBS.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pn. Hjh Zuleah Binti Darsong, Pengarah CIAST dan pengerusi kedua, YBrs. Dr. Ir. Azmi Bin Ahmad, Timbalan Pengarah Kemahiran KBS.

Mesyuarat telah dihadiri oleh En. Azian Bin Hussain (Timbalan Pengarah Perancangan dan Pembangunan CIAST), Ts. Shahlisa Cheah Binti Shihabudin (Ketua Unit Pengurusan CSC CIAST), En. Ismail Bin Idris (Ketua Penyelaras CSC IKBN Kemasik), En. Benie Suparman Bin Awang (Ketua Penyelaras CSC IKBN Kuala Langat), En. Asbul Hadi Bin Mat Yunus (Ketua Unit Perolehan BKP CIAST), Pn. Lili Suriani Binti Supardi (Ketua Unit Kewangan CIAST), En. Azli Amin Bin Ahmad (KPPK BPKB KBS), Tn. Mgt. Husain Bin Mgt Jaaffar (Pengarah IKBN Kuala Langat), Pn. Norlia Binti Abdullah (Pengarah IKBN Kemasik), En. Ahmad Faiz Bin Abdull Rashid (Pembangunan & Kewangan KSM), Pn. Nur Adilah Binti Abdull Halim (Pen. Setiausaha KSM), pegawai-pegawai pengurusan KBS, KSM dan CIAST.



**Rajah 36:** Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Operasi CSC Bersama ILKBS

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA JPK DAN INSTITUT PERGURUAN MALAYSIA (IPGM) BIL 1/2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan bersama JPK dan IPGM telah diadakan secara atas talian pada 27 September 2021. Peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk memperkuuhkan kerjasama strategik antara IPGM dan JPK bagi melahirkan tenaga pengajar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara. Mesyuarat ini telah bersidang dan membincangkan isu-isu berkenaan aktiviti-aktiviti kerjasama, way forward dan cadangan penubuhan Jawatankuasa Teknikal.

Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Hjh Rusmini Binti KU Ahmad, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia IPGM, KPM dan pengerusi kedua, YBhg. Dato' Ts. Haji Zaihan

Bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

Mesyuarat dihadiri oleh Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman (Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik IPGKPT Bandar Enstek, Puan Hjh Zuleah Binti Darsong, Pengarah CIAST Shah Alam dan pegawai-pegawai pengurusan IPGM, IPGKPT Bandar Enstek, JPK dan CIAST.



**Rajah 37:** Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan bersama JPK dan IPGM Bil 1/2021

## TAKLIMAT PEMBANGUNAN WIM, CBT DAN SOALAN BERASASKAN COPTPA

Taklimat pembangunan WIM, CBT dan Soalan berdasarkan COPTPA telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 22 dan 23 November 2021 secara dalam talian.

Seramai 30 orang peserta yang hadir dan terdiri dari pengajar-pengajar 14 CSC dan Unit Pengurusan CSC.

Taklimat hari pertama berkenaan pembangunan WIM dan CBT telah disampaikan oleh Puan Mahani binti Mokhtar (Unit Pembangunan Fasilitator, PPL CIAST) manakala En. Salim bin Amil (Unit Pembangunan Fasilitator, PPL CIAST) pula selaku penceramah Pembangunan Soalan untuk hari kedua.

## PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### Penganjuran Kursus berkaitan Penyelidikan dan Inovasi

Kursus-kursus berkaitan penyelidikan dan inovasi merupakan kursus yang kini semakin mendapat perhatian dari kalangan pengajar TVET. Kursus-kursus yang dilaksanakan ini bertujuan agar dapat memberi pendedahan dan kefahaman tentang penyelidikan dan inovasi kepada para peserta. Sebanyak lima siri kursus berkaitan penyelidikan dan inovasi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 seperti di dalam Jadual 38

**Jadual 38:** Senarai kursus berkaitan penyelidikan dan inovasi

Bil	Perkara	Penceramah	Bilangan Peserta
1	Kursus Qualitative Research Approach pada 5 dan 20 Mei 2021	Prof. Madya Dr. Noraida binti Abdul Rahman (UniKL)	20
2	Kursus Statistik untuk Penyelidikan pada 17 hingga 18 Ogos 2021	Mejar (B) Mohd Zin bin Mokhtar (UNITEN)	56
3	Kursus Pembangunan Instrumen Kajian: Soal Selidik pada 24 hingga 25 Ogos 2021	Dr. Jamil bin Ahmad (UKM)	62
4	Kursus Pengurusan Harta Intelek pada 29 hingga 30 September 2021	En. Faizal bin Ismail & En. Muhammad Hazif Azlan bin Ziaudin Ahamed (Teraju IP Sdn Bhd)	42
5	Kursus Pemantapan Kompetensi Inovasi Pengajar TVET pada 3 hingga 4 November 2021	Prof. Dr. Mohar Yusof (UNIRAZAK), dan Dr. Mohd. Roshdi Hassan (UPM)	61

Peserta yang hadir terdiri daripada pengajar TVET daripada CIAST, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta pelbagai agensi lain seperti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS).

## PENGANJURAN SEMINAR DAN WEBINAR INOVASI

Pelaksanaan seminar dan webinar merupakan satu platform yang penting untuk perkongsian ilmu di kalangan pengurusan dan tenaga pengajar TVET. Melalui platform dan topik yang dipilih ini, peserta mendapat pengetahuan baru mengenai metodologi-metodologi yang telah terbukti berkesan dan banyak diaplikasikan di dalam organisasi dan juga industri. Jadual 39 di bawah adalah senarai seminar dan webinar yang telah berlangsung. Sebanyak tiga siri seminar dan webinar telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

**Jadual 39:** Senarai seminar dan webinar inovasi

Bil	Perkara	Penceramah	Bilangan Peserta
1	Seminar Pengurusan Harta Intelek dan Pengkomersilan 2021 pada 4 Mei 2021	En. Faizal bin Ismail (Teraju IP Sdn Bhd) – Topik: Harta Intelek: Pengenalan, Perundangan dan Pengurusan  Ts. Dr. Mohamed Ackiel bin Mohamed (Serba Dinamik Group Bhd) – Topik: Breaking the Norms of Product Commercialization.  En. Mohd Johaary bin Abdul Hamid (MARDI) - Pengkomersilan Inovasi : Pengalaman MARDI	81
2	Webinar bertajuk Menjana Inovasi Melalui TRIZ pada 4 Ogos 2021	Ts. Dr. Zulhasni bin Abdul Rahim Pakar TRIZ Kebangsaan (UTM Kuala Lumpur)	744
3	Webinar bertajuk VAVE: Seni Membuat Keputusan Untuk Kelestarian TVET pada 1 September 2021	Dr. Muhamad Roslan bin Muhamad Yusoff (Sustainable Industrial Revolution and Innovation Sdn. Bhd.)	677

Peserta seminar dan webinar terdiri daripada staf CIAST, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta pelbagai agensi lain seperti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta (IPTA/IPTS) dan beberapa agensi lagi. Seminar dan webinar ini juga mendapat penyertaan yang amat menggalakkan daripada Pusat Bertauliah swasta.



**Rajah 38:** Seminar Harta Intelek & Pengkomersilan

### **Penyertaan kertas pembentangan dalam International Innovation ARSVOT Malaysia (IAM) 2021**

CIAST telah menyertai pembentangan kertas di dalam International Innovation ARSVOT Malaysia (IAM 2021) yang berlangsung pada 10 April 2021 secara dalam talian melalui aplikasi zoom. Program ini adalah anjuran Persatuan Penyelidik Latihan Kemahiran & Vokasional (ARSVOT) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Berikut adalah tajuk kertas pembentangan dan ahli pasukan penulis seperti di Jadual 40.

**Jadual 40:** Tajuk Kertas Pembentangan dan Penulis

Bil	Tajuk Kertas Pembentangan & Penulis
1	<b>Kesediaan Kerjaya: Tinjauan Awal Terhadap Pengajar Pelatih Sijil Pengajar Vokasional Pra Perkhidmatan</b> 1. Ts. Maznizam bin Mansor (CIAST) 2. Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul (CIAST)
2	<b>Keberkesanan Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek <i>Freehand Visualisation Skills (FVS)</i> Terhadap Tenaga Pengajar TVET</b> 1. Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul (CIAST) 2. Ts. Syurhawati binti A.Rahim (CIAST) 3. Dr. Ruzaimi bin Mat Rani (Drawzania.com)
3	<b>Kajian Terhadap Penggunaan Sistem <i>TVET Instructor eProfiling System (TiPS)</i> daripada Perspektif Kepuasan Hati Pengguna</b> 1. Dr.Saidi bin Zain (CIAST) 2. Ts. Maznizam bin Mansor (CIAST) 3. En. Ahmad Jefri bin Sabri (CIAST)



# PENCAPAIAN

## INOVASI DAN KREATIVITI

CIAST meneruskan kecemerlangannya dalam **penyertaan beberapa pertandingan dan pameran berkaitan inovasi dan kreativiti** dalam dan luar negara. Bagi tahun 2021, CIAST telah menyertai beberapa pertandingan inovasi dan **berjaya merangkul kedudukan utama dan telah dianugerahkan pingat emas.**

## PERTANDINGAN YANG DISERTAI

### International Innovation ARSVOT Malaysia (IAM) 2021

Bersempena dengan dengan pengajuran Internatioanl Innovation ARSVOT Malaysia (IAM) 2021 yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Penyelidik Latihan Kemahiran & Vokasional (ARSVOT) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada 10 April 2021, CIAST telah menyertai pertandingan inovasi yang dilaksanakan secara atas talian. Tiga projek telah diketengahkan dan telah berjaya memenangi anugerah dalam kategori masing-masing.

Berikut ialah projek inovasi yang mengambil bahagian dan kejayaan yang diperolehi

1. Pembangunan Sistem Pengurusan Pembelajaran Dalam Talian Secara Terbuka (Best of The Best, Best Award, Gold Award)

Pembelajaran atas – talian iaitu pembelajaran sepanjang hayat secara kendiri yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana jua dengan menggunakan gajet pintar.

2. Analisa Keperluan Latihan Pengajar TVET Secara Dalam Talian Sistematik Menggunakan TiPS (Best Award, Gold Award)

3. Aplikasi PEM (Bronze Medal)

Aplikasi PEM merupakan suatu platform yang boleh diguna untuk membantu pengurusan kursus di Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM) dengan lebih efisien. Aplikasi ini merupakan penambahbaikan kepada pengurusan kursus yang sedia ada. Antara fungsi aplikasi dan penambahbaikan adalah seperti notifikasi kursus-kursus yang sedang dijalankan, kenali tenaga pengajar yang menjalankan kursus, permohonan kursus, berhubung terus dengan urusetia kursus, info berkenaan kursus, maklumbalas kursus yang dijalankan dan fasiliti kursus yang ada di sekitar CIAST.



Rajah 39: Pingat ARSVOT



**Rajah 40:** Kumpulan TiPS



**Rajah 41:** Kumpulan PEM

## National Innovation and Invention Competiton Throuh Exhibition (iCompEx 2021)

CIAST telah meyertai pertandingan iCompEx 2021 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah. Ia diadakan secara atas talian pada 17 Mei hingga 7 Jun 2021.

Projek yang dinamakan "Compact Hydraulic Plate and Bar Bender" telah berjaya memenangi anugerah Gold Medal dalam pertandingan tersebut.

Projek Inovasi ini diberi nama "Compact Hydraulic Plate and Bar Bender". Ia merupakan peralatan bagi sesi pembelajaran dan pengajaran yang dihasilkan oleh ahli kumpulan 'TVETiers' yang diketuai oleh Pn. Suhana binti Naziran dan dianggotai oleh En. Mohd Norazlinshah bin Mohd Salleh, Pn. Zuraini binti Ismail, En. Mohd Shalahuddin bin Mohamed Mokhtar, En. Muhammad Shafiq bin Abdullah dan Pn. Noor Adlina binti Ibrahim di bengkel Kimpalan, Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK), CIAST.

Projek inovasi ini berfungsi dalam membentuk sudut dan kepingan plat mengikut bentuk yang dikehendaki dengan mudah dan selamat. Projek ini telah dihasilkan dari dua alat yang berbeza kefungsian dan telah digabungkan menjadi satu berkosepkan mudah alih. Impak projek Compact Hydraulic Plate and Bar Bender adalah peningkatan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran teknologi kejuruteraan, penjimatan kos, prosedur yang lebih selamat, pengurangan masa kendalian dan peningkatan produktiviti. Compact Hydraulic Plate and Bar Bender dalam proses untuk didaftarkan dalam pencarian paten oleh badan yang diiktiraf.

Selepas pelaksanaan projek, sasaran telah berjaya dicapai dan faedah luar jangka telah diperolehi. Oleh itu, projek Compact Hydraulic Plate and Bar Bender telah berjaya menyelesaikan masalah yang dipilih.

Rajah 42: Kumpulan TVETiers



Rajah 43: Pingat iCompEx

## Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Peringkat Kebangsaan PERISA'21

Pasukan TiPS telah menyertai pertandingan PERISA'21 anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama Kolej Komuniti Paya Besar, Gambang pada 20-23 September 2021 secara dalam talian.

Penjurian akhir Pertandingan PERISA'21 yang bertemakan “Revolusi Industri 4.0 Pemangkin Inovasi” telah diadakan pada 20 - 23 September 2021 secara atas talian di Politeknik Muadzam Shah, Pahang.

Projek TiPS telah berjaya merangkul Pingat Emas dan Johan Kategori Teknologi Maklumat serta diumumkan sebagai Johan Keseluruhan Pertandingan PERISA'21 Peringkat Kebangsaan kali ke-7 dalam Majlis Perasmian Penutup PERISA'21 Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung pada 29 September 2021.

**Rajah 44:** Kumpulan TiPS



**Rajah 45:** Piala PERISA



**Rajah 46:** Pingat PERISA

## AKTIVITI PASUKAN DRON

Pasukan Dron CIAST telah melaksanakan beberapa siri kursus dan juga Hari Inovasi dan Teknologi Dron 2021 pada 18 November 2021 bertempat di Auditorium CIAST



Rajah 47: Penyampaian Hadiah



Rajah 48: Penerangan Dron



Rajah 49: Poster



Rajah 50: Peserta Seminar Dron

## KAJIAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN CIAST 2021

### Kajian Kebolehpasaran CIAST 2021


Pada tahun 2021, keseluruhan graduan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) adalah seramai 654 orang. Terdapat dua peringkat pengajian ditawarkan iaitu Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV) seramai 30 (4.59%) graduan dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO) seramai 624 (95.41%) graduan.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai kadar Kebolehpasaran Graduan CIAST, Unit Penyelidikan dan Inovasi akan menganalisa maklum balas yang dijalankan secara dalam talian melalui laman rasmi kaji selidik “graduan.mohe.gov.my/skpgtvet”.

Sehingga sehingga 24 Disember 2021, kadar respons graduan CIAST bagi tahun 2021 telah mencapai 85.78% (561) manakala bakinya iaitu 14.22% (93) tidak menjawab soal selidik tersebut.

#### Tahap Kebolehpasaran Graduan CIAST

Daripada maklumbalas yang diterima, sebanyak 51.52% (289) graduan telah mendapat pekerjaan, 5.35% (30) melanjutkan pengajian, 0.71% (4) meningkatkan kemahiran, 1.96% (11) menunggu penempatan pekerjaan dan 40.46% (227) graduan belum bekerja.



## PERTANDINGAN KEMAHIRAN

Sepanjang tahun 2021, Unit SkillsMalaysia di bawah Program Kelayakan dan Kekompetenan telah melaksanakan tugas berkaitan keurusetiaan bagi memastikan urusan penglibatan dalam Pertandingan Kemahiran berjalan lancar. Berikut ialah senarai aktiviti yang telah dilaksanakan:

**3rd Khabarovsk International Skills Competition** Anjuran WorldSkills Russia yang diadakan secara atas talian pada 01 hingga 05 Mac 2021, CIAST telah dipertanggungjawabkan sebagai tapak pertandingan bagi dua bidang iaitu Graphic Design Technology dan IT Network System Administration.

**Mechatronic Online Competition Anjuran FESTO Asia Pacific & WorldSkills International**, CIAST telah dipertanggungjawabkan sebagai tapak pertandingan pada 7 – 8 April 2021.

**WorldSkills Asia Online Friendly Skills Games 2021**, CIAST telah dipertanggungjawabkan sebagai tapak pertandingan bagi bidang Graphic Design Technology bagi kategori belia pada 2 hingga 5 Ogos 2021 dan junior pada 9 hingga 12 Ogos 2021.

**Virtual Skills Malaysia (VSM) 2021**, CIAST telah dipertanggungjawabkan sebagai tapak pertandingan bagi dua bidang iaitu :

IT Network System Administration 20 – 21 September 2021  
Graphic Design Technology 22 – 23 September 2021

**Junior Skills Malaysia (Online) 2021**, CIAST telah dipertanggungjawabkan sebagai tapak pertandingan bagi tiga bidang iaitu :

Mobile Robotics 12 – 13 Nov 2021  
Drone Operating 13 – 14 Nov 2021  
Graphic Design Technology 13 – 14 Nov 2021

**Ujian Kelayakan Amali Calon Peserta WSC 2022**, CIAST telah dipertanggungjawabkan sebagai tapak pertandingan bagi dua bidang iaitu :

Mekatronik 9-11 November 2021  
Automobile Technology 17 – 19 November 2021

**Latihan Intensif peserta Abilympics** bagi persiapan ke 10th International Abilympics yang akan diadakan pada 23 – 29 Mei 2022 bertempat di Moscow, Rusia. Latihan intensif dirancang diadakan pada Oktober 2021 sehingga Mei 2022. Oleh itu satu lawatan kerja ke KV Selayang bagi perbincangan latihan peserta Abilympics telah diadakan pada 14 Oktober 2021 yang terdiri daripada 5 orang pegawai CIAST.



## SISTEM PENGURUSAN KUALITI CIAST 2021

CIAST telah memulakan pensijilan MS ISO bermula pada 15 Februari 2009. Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2015 untuk tempoh tiga (3) tahun berkuatkuasa mulai 23 Februari 2021 sehingga 14 Februari 2024 dengan no. pensijilan 10337946 daripada Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd.

Pensijilan semula telah dilaksanakan oleh Pasukan Auditor yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Ramlie bin Mohd Daud daripada Lloyd's Register yang diadakan secara remote assessment pada 10 dan 11 Februari 2021 yang lalu. Remote assessment terpaksa dilaksanakan oleh pihak auditor terhadap pematuhan kepada standard ISO 9001:2015 CIAST mengikut pelan yang dirancang memandangkan negara masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik covid-19 yang melanda.

Kesediaan auditee dan penyediaan dokumentasi yang proaktif menjadi tonggak utama dalam memastikan kelancaran aktiviti audit. Pihak auditor mendapati bahawa koordinasi mesyuarat yang berkesan memperlihatkan komitmen yang tinggi daripada pihak Pengurusan CIAST. Selain daripada itu, Perancangan Strategik yang terkehadapan dan memacu kecemerlangan CIAST telah disemak melalui latihan dan keberkesanan latihan yang dibekalkan oleh CIAST.

Pengarah CIAST, Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman dalam ucapan penutup pada 11 Februari 2021 telah merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua auditee yang terlibat. Beliau turut menyambut baik penemuan-penemuan audit yang disampaikan oleh pihak auditor dan berharap agar penemuan audit ini akan menjadi panduan kepada warga CIAST agar terus mengorak langkah ke hadapan dalam menjayakan Pelan Strategik CIAST 2021-2025. Pengurus Kualiti CIAST, Ts. Dr. Norhayati binti Yahaya turut merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan audit ini. Jawatankuasa SPK CIAST akan berterusan memastikan jaminan terhadap standard sistem pengurusan kualiti CIAST diperkuuhkan dari semasa ke semasa.

Semoga kejayaan ini dapat dijadikan sebagai pendorong dan semangat untuk terus komited dan mengekalkan budaya kerja berpasukan agar lebih banyak kejayaan yang membanggakan dapat dicapai pada masa akan datang.



**Rajah 51:** Aktiviti MS ISO sepanjang tahun



**Rajah 52:** Lawatan Pembaharuan Pensijilan MS ISO 9001:2015 pada 10 - 11 Februari 2021



**Rajah 53:** Kursus Pemeriksaan Kualiti Latihan CIAST pada 5 – 7 Oktober 2021

## LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK12

CIAST komited dalam melaksanakan program-program bagi peningkatan kompetensi tenaga pengajar TVET di seluruh Malaysia. Bagi tujuan tersebut, beberapa projek pembangunan akan dilaksanakan sepanjang RMK12 (2021 hingga 2025) seperti di Jadual 41.

**Jadual 54 :** Bilangan Projek RMK12 di CIAST

Kategori Projek	Kuantiti Projek	Kos Projek (RM)
Fizikal (Pembinaan)	1	7,049,000
Bukan Fizikal (Program)	3	93,000,00
Jumlah	4	100,049,000

**Jadual 55:** Perincian projek yang diluluskan

Bil	Nama Projek	Sasaran Projek
1	Pengukuhan Pengkalan Data dan Perluasan Akses TVET Instructor eProfiling System (TiPS)	a.) Pemantapan 3 modul TiPS sediada dan 1 modul baharu b.) Pembangunan 250 Ability Checklist c.) 2,500 pengguna TiPS dilatih d.) 100 fasilitator TiPS dilatih
2	Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisma Pengajar TVET	a.) 20,000 tenaga pengajar TVET dilatih bawah latihan Reskilling, Upskilling dan Profesional b.) 500 tenaga pengajar TVET dan 50 master trainer dilatih di bawah Latihan Peningkatan Kemahiran New Emerging Technology, Cross Discipline & Future Social Skills c.) 300 pengajar dilatih dan dipersijilkan dengan kelayakan mengajar tertinggi dan 100 master teacher dilatih d.) 2,000 pembangun dan 250 fasilitator Standard & Kurikulum TVET dilatih e.) 5,500 personel SLDN dilatih
3	TVET Instructor Technology Update (TiTU)	a.) 1,500 pengajar TVET mengikuti Latihan Sangkutan Industri (LSI) b.) 20 pengajar mengikuti TVET Fellowship c.) 100 pengajar TVET mengikuti latihan Coaching & Mentoring d.) 1,000 pengajar TVET menyertai program Perkongsian Kepakaran Industri
4	Menaiktaraf dan Membaik Pulih Bangunan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam	a.) Satu bangunan tambahan dua tingkat b.) Enam bengkel dinaiktaraf

Secara keseluruhan pelaksanaan program-program di bawah RMKe-12 di CIAST, akan memberi manfaat kepada 14 agensi TVET, meningkatkan kompetensi tenaga pengajar, mengurangkan isu jurang kemahiran antara institusi latihan dan industri dan seterusnya dapat melahirkan tenaga mahir negara yang berkualiti.

## **CIAST SEBAGAI CENTRE OF EXCELLENCE FOR TVET INSTRUCTOR**

Pada 10 November 2021, telah berlangsung Majlis Pelancaran CIAST sebagai Centre of Excellence (CoE) for TVET Instructor bertempat di Auditorium CIAST. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang mewakili Menteri Sumber Manusia.

Majlis dimulakan dengan seminar dan forum pada jam 9.00 pagi. Seminar bertajuk Pengajar TVET Era Digitalisasi dan Norma Baharu: Kriteria dan Cabaran telah disampaikan oleh Professor Dr. Mohar bin Yusof, Pengarah Inovasi Akademik, Centre for Continuing Education (CCE) UNIRAZAK.

Pada jam 9.45 pagi pula satu sesi forum bertajuk CIAST memacu Keunggulan Pengajar TVET Negara telah diadakan melibatkan 3 orang ahli panel iaitu Tn. Hj. Suimi Bin Abd Majid, Mantan Pengarah CIAST, En. Luqman bin Ahmad, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, EPU dan En. Azizul bin Mohd. Othman, Presiden Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC). YBrs. Dr. Zool Hilmi bin Mohamed Asri dari Bahagian NOSS bertindak sebagai moderator forum.

Acara perasmian dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Ts. Haji Zaihan bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Seterusnya YB Datuk Haji Awang bin Hashim telah menyampaikan teks ucapan perasmian dan merasmikan CIAST sebagai CoE for TVET Instructor.



**Rajah 56:** Ucapan YB Timbalan Menteri

**Rajah 57:** Pelancaran oleh YB Timbalan Menteri

## CIAST SEBAGAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DAN LAWATAN YDPA

Pada pertengahan Disember 2021, kawasan Lembah Kelang telah mengalami banjir kilat akibat hujan yang turun beberapa hari. Beberapa tempat disekitar Shah Alam turut terkesan dengan banjir yang melanda. CIAST telah dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ia telah dibuka pada 20 Disember 2021 dengan menempatkan 150 orang penduduk dari Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam.

Pada 25 Disember 2021, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah berkenan melawat mangsa banjir di PPS CIAST Shah Alam. Turut berangkat ialah DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, YAB Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amiruddin Bin Shari dan Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz.



**Rajah 58:** Tetamu Kehormat bersama YDPA



**Rajah 59:** YDPA menyantuni penduduk yang terjejas banjir

## LAWATAN KEDUTAAN JEPUN KE CIAST

Pada 23 April 2021, CIAST telah menerima kunjungan dari Duta Jepun iaitu H.E Oka Hiroshi. Beliau telah berkunjung ke CIAST bersama-sama dengan dua orang pegawai dari kedutaan Jepun iaitu En. Miyasaka Tomoyuki dan Pn. Masubuchi Kana dan didirungi oleh Pengarah CIAST, Pn. Zuleah binti Darsono beserta enam orang pegawai CIAST.

Semasa sesi lawatan tersebut, Duta Jepun telah menzahirkan kegembiraan terhadap CIAST yang merupakan satu projek usahasama antara kerajaan Jepun dan Malaysia dalam membangunkan tiga pengajar kemahiran. CIAST merupakan antara projek yang berjaya di rantau ASEAN. Beliau juga berharap CIAST akan terus bekerjasama dengan agensi Jepun seperti Japan International Cooperation Agency (JICA) dalam pelaksanaan program-program latihan kemahiran di Malaysia dan melibatkan peserta luar negara.

Di akhir sesi kunjungan, beliau dan pegawai kedutaan telah meluangkan masa untuk melawat sekitar bengkel automotif di CIAST.



**Rajah 60:** Duta Jepun bergambar di plak perasmian CIAST




**Rajah 61:** Lawatan ke bengkel automotif oleh Duta Jepun

# JARINGAN WARGA, INDUSTRI DAN MASYARAKAT



## KELAB KAKITANGAN CIAST (KKC)



Kelab Kakitangan CIAST (KKC) ditubuhkan pada 29 September 2000 dan telah mendapat kelulusan pendaftaran di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 2 Ogos 2001. Bilangan ahli KKC yang aktif pada akhir 2021 ialah seramai 237 orang.

Sejak ditubuhkan KKC telah bergiat aktif melakukan pelbagai aktiviti dalam menjalin silaturrahim, Kerjasama dan kebajikan kakitangan CIAST.

Berikut ialah aktiviti KKC sepanjang tahun 2021:

### Mesyuarat Agung KKC 2021/2023

Mesyuarat Agung KKC Kali Ke-17 telah diadakan pada 26 Februari 2021 secara online dari Bilik Studio CIAST disebabkan oleh pandemik Covid-19. Seramai 167 orang ahli hadir secara online. Berikut adalah Ahli Jawatankuasa KKC bagi sesi 2021/2023 yang telah dipilih berdasarkan undian tertinggi;

### Ahli Jawatankuasa 2021 / 2023:

<b>Penaung</b>	:	Pn. Zuleah Binti Darsong
<b>Pengerusi</b>	:	Ts. Maznizam Bin Mansor
<b>Naib Pengerusi</b>	:	En. Azhar Bin Abidin
<b>Setiausaha</b>	:	Pn. Rohani a/p Ngandi
<b>Naib Setiausaha</b>	:	Pn. Norhaslina Binti Abu Hassan
<b>Bendahari</b>	:	Ts. Mohd Norazlinshah Bin Mohd Salleh
<b>Naib Bendahari</b>	:	Pn. Hasfanorbitahayati Binti Ibrahim Star
<b>Biro Ekonomi</b>	:	En. Halim Bin Abdullah
<b>Biro Sosial &amp; Rekreasi</b>	:	En. Muhammad Shafiq Bin Abdullah
<b>Biro Sukan</b>	:	Tc. Mohd Shalahuddin Bin Mohamed Mokhtar
<b>Biro Kebajikan</b>	:	Tn. Hj. Azim Bin Aziz
<b>Biro Pembangunan Insan</b>	:	En. Ahmad Zaki Bin Ali Husin
<b>Biro Penerangan</b>	:	En. Muhammad Nooradzam Bin Adam
<b>Juruaudit 1</b>	:	Pn. Ainin Nisak Binti Ahmad Asnawi
<b>Juruaudit 2</b>	:	Dr. Norhuda Binti Salim

## MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK KKC

Sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan sepanjang 2021

**Jadual 43:** Mesyuarat JK Induk KKC

Tarikh	Aktiviti	Lokasi
15.4.2021	Mesyuarat JK Induk KKC Bil 1/2021	Bilik Mesyuarat Terbilang
3.5.2021	Mesyuarat JK Induk KKC Bil 2/2021	Bilik Mesyuarat Terbilang
24.9.2021	Mesyuarat JK Induk KKC Bil 3/2021	Secara Online
3.12.2021	Mesyuarat JK Induk KKC Bil 4/2021	Bilik Mesyuarat Terbilang



**Rajah 62:** Mesyuarat JK Induk KKC Bil 3

## SUMBANGAN DAN KEBAJIKAN

### TABUNG CIAST PRIHATIN (TCP)

Tabung CIAST Prihatin (TCP) merupakan dana yang digunakan bagi menyampaikan sumbangan kepada ahli KKC yang mengikut kategori penerima / bencana seperti berikut;

**Jadual 44:** Kadar Sumbangan kepada Ahli KKC

Bil	Kategori Penerima / Bencana	Kadar (RM)
1	Ahli Meninggal Dunia	500
2	Pasangan pertama / anak ahli meninggal dunia	250
3	Ibu/ Bapa ahli meninggal dunia	100
4	Ahli yang mengalami bencana alam	200
5	Ahli masuk wad ( $\geq 3$ hari)	150
6	Sumbangan khusus	mengikut kes

Kadar Sumbangan kepada ahli KKC ( perkara 4,5 dan 6 hanya sekali setahun)

Penyampaian sumbangan TCP kepada ahli mulai tahun ini dibuat melalui Bahagian Khidmat Pengurusan CIAST bagi tujuan penyelarasan.

Pada 25 Oktober 2021, KKC telah melancarkan TCP secara online memandangkan tiada penganjuran perhimpunan bulanan CIAST dilangsungkan sebagaimana tahun-tahun terdahulu.



**Rajah 63:** Penyampaian Sumbangan kepada ahli yang kehilangan keluarga

Berikut adalah senarai sumbangan kepada ahli sepanjang 2021:

**Jadual 45:** Senarai Penerima Sumbangan

Bil	Penerima	Keterangan	Tarikh Serahan
1	Pn. Fatin Kamalia binti Jamaludin	Pemergian Ayahanda	29.01.2021
2	Ts. Abdul Hanif bin Ludin	Pemergian Ibunda	18.05.2021
3	En. Ahmad Mashudi bin Alpiyah	Pemergian Ibunda	07.10.2021
4	En. Abdul Halim bin Shahidin	Pemergian Ayahanda	07.10.2021
5	En. Gafaar bin Musar	Pemergian Ayahanda	22.10.2021
6	En. Ghaffar bin Senin	Kemasukan Wad	22.10.2021
7	En. Nazari bin Shamsudin	Kemasukan Wad & peralatan sokongan dengan kerjasama PUSPANITA	22.11.2021
8	Ts. Mohd Riza bin Ismail	Pemergian Ayahanda	29.12.2021
9	En. Sarizan b Saaidon	Pemergian Ibunda	29.12.2021
10	Pn. Semai Azura binti Seman	Pemergian Ayahanda	30.12.2021
11	En. Mohd Redzuan bin Mat Zain	Pemergian Ayahanda	30.12.2021
12	Pn. Mariyati bt Baba	Pemergian Ibunda	30.12.2021
13	Pn. Azlina bt Mohamad Shafie	Pemergian Ibunda	30.12.2021
14	En. Wan Mohd Hadi Wan Abd Rahman	Pemergian Ibunda	30.12.2021
15	Ts. Marsita binti Abd Kadir	Pemergian Suami	30.12.2021

## TABUNG KHAS PKP 3.0 COVID-19

Tabung ini telah dilancarkan pada Jumaat 23 Julai 2021 bertujuan mengumpul sumbangan untuk membantu kakitangan CIAST yang terkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19. Jumlah sumbangan yang diperolehi melalui tabung ini adalah RM4200. Sumbangan ini telah disampaikan kepada 12 orang kakitangan CIAST yang terdiri daripada 2 orang COVID fighter dan 10 orang yang terjejas pendapatan sekeluarga disebabkan PKP. Tabung ini adalah inisiatif KKC & PUSPANITA CIAST.



Rajah 64: Poster Tabung Khas PKP 3.0

## SUMBANGAN HARI RAYA AIDLIFITRI KEPADA KAKITANGAN

Sumbangan Hari Raya Aidilfitri telah disampaikan kepada kakitangan gred 11 dan ke bawah pada 11 Mei 2021.



Rajah 65: Sumbangan Hari Raya Aidilfitri

## SUMBANGAN BUBUR LAMBUK

KKC dengan kerjasama JK Surau telah mengadakan sumbangan bubur lambuk kepada pelajar dan kakitangan CIAST bersempena bulan Ramadhan. Sumbangan ini telah disampaikan semasa Perhimpunan Bulanan anjuran PPK pada 22 April 2021.



**Rajah 66:** Edaran bubur lambuk

## SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR

Pada tahun ini, selain ancaman Covid-19, negara juga dikejutkan dengan musibah banjir yang berlaku pada Januari dan Disember 2021.

**Jadual 46:** Sumbangan kepada Mangsa Banjir

Bil	Tarikh	Aktiviti
1	08.01.2021	Tabung Misi Bantuan Banjir Pantai Timur 2021 (kerjasama KKC dan PUSPANITA CIAST)
2	11.01.2021	Sumbangan Bantuan Banjir fasa pertama Negeri Pahang berbentuk barang keperluan harian dan wang tunai RM500 melalui NGO Yayasan Ustaz Al Amin.
3	19.01.2021	Sumbangan wang tunai melalui penyelaras CSC kepada PSH CSC ILP Marang, PSH CSC IKBN Kemasik dan PSH ADTEC Jerantut yang terlibat dengan banjir
4	05.04.2021	Khidmat Komuniti dengan kerjasama CSC ADTEC Jerantut di rumah mangsa yang ditenggelami air semasa banjir besar. Antara bantuan yang dapat diberikan adalah mengecat rumah dan mengganti tikar getah.
5	20.12.2021	Tabung Bantuan Banjir '21 bagi membantu mangsa banjir di Selangor
6	20.12.2021–27.12.2021	Khidmat Komuniti membantu membersihkan rumah dan menyampaikan sumbangan kepada kakitangan yang ditimpa musibah banjir di sekitar Selangor.



**Rajah 67:** Sekitar bantuan banjir

## SUMBANGAN-SUMBANGAN LAIN

KKC telah menyampaikan sumbangan wang tunai kepada PUSPANITA CIAST untuk aktiviti Gerobok Rezeki dan Cik Siti Rozyana Rabaiee yang terlibat dengan kemalangan dan menerima rawatan di wad Hospital Shah Alam.



**Rajah 68:** Sumbangan Cik Siti Rozyana Rabaiee

## AKTIVITI KEAGAMAAN BERSAMA JAWATANKUASA SURAU CIAST

### Bacaan Al-Quran & Terjemahan Mingguan

Majlis Bacaan Al-Quran & Terjemahan Mingguan telah dijalankan secara online melalui aplikasi ZOOM dan FB KKC setiap hari Jumaat bermula jam 8.30 pagi sepanjang tahun ini. Majlis adalah anjuran bersama JK Surau CIAST, KKC dan PUSPANITA CIAST.



**Rajah 69:** Bacaan Al-Quran dan Terjemahan

## Tadarus Al-Quran Selepas Solat Zohor Sepanjang Ramadan 1442H.

KKC dengan kerjasama Jawatankuasa Surau telah mengambil inisiatif bagi mengadakan program Tadarus Al-Quran selepas solat Zohor sepanjang Ramadan 1442H di Surau CIAST dengan pematuhan S.O.P. yang ketat.

### Majlis Bacaan Yasin & Doa Munajat

Bersempena ulangtahun CIAST yang ke-36 pada 30 Ogos 2021, KKC dengan kerjasama Jawatankuasa Surau telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin & Doa Munajat secara online.



**Rajah 70:** Majlis Bacaan Yasin

### Pertandingan Video Raya

Bagi mengerakkan silaturahim sesama kakitangan, KKC telah menganjurkan Pertandingan Video Raya 2021 dengan tema 'Raya PKP lagi'. Pada tahun ini dua kategori dipertandingkan iaitu Pantun Raya (Solo/ Berkumpulan) dan Ucapan Raya (Program/ Bahagian). Sehingga 12.05.2021, sebanyak tujuh (7) penyertaan diterima bagi setiap kategori. Pengumuman pemenang ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak susulan pandemik Covid-19.



**Rajah 71:** Poster Pantun Raya

## PUSPANITA CIAST

Berikut ialah aktiviti PUSPANITA CIAST sepanjang tahun 2021:

### JAWATANKUASA INDUK

Tarikh	Aktiviti
12 Januari 2021	Mesyuarat Puspanita Induk Bil. 1/2021 dengan kehadiran 10 AJK.
29 Oktober 2021	Sumbangan hadiah persaraan Dr. Rashid dan isteri dari Puspanita CIAST.
14 Disember 2021	Mesyuarat Puspanita JPK diwakili seorang AJK Induk.

### BIRO EKONOMI

Tarikh	Aktiviti
Sepanjang tahun 2021	Tele Bazar Puspanita CIAST dengan keahlian 75 orang dalam group.
Sepanjang tahun 2021	Jualan kain pakaian seragam Puspanita.

### BIRO PUBLISITI

Tarikh	Aktiviti
Sepanjang tahun 2021	Mempromosi keahlian PUSPANITA CIAST kepada pegawai-pegawai melalui e-mel ciast, facebook puspanita dan whatsapp group Staf CIAST dua (2) kali setahun.
Sepanjang tahun 2021	Peringatan mesra pemakaian uniform Puspanita pada Hari Khamis minggu pertama bulan, dua (2) bulan sekali.
Sepanjang tahun 2021	Menyediakan laporan aktiviti Puspanita CIAST dalam perhimpunan bulanan.
Sepanjang tahun 2021	Menghebahkan program Puspanita

### BIRO MODAL INSAN

Tarikh	Aktiviti
Sepanjang tahun 2021	Program Get Fit dengan kerjasama dengan Biro Sosial dan Rekreasi. Perkongsian informasi kesihatan dua (2) kali seminggu di Media Sosial Facebook Puspanita CIAST.
11 & 29 Januari 2021	Program CSR kerjasama dengan Kelab Kakitangan CIAST (KKC) (Bencana alam, asnaf, golongan miskin bandar dll) - Misi Bantuan Banjir 2021.
22 Januari – 29 November 2021	Program Khatam AlQuran melalui Whatsapp Group melibatkan seramai 10 orang ahli.
5 Februari-Disember 2021	Majlis Bacaan Quran & Munajat kerjasama dengan KKC setiap Jumaat.
3 Februari-Disember 2021	Kitab Fiqh Bab Taharah setiap 2 minggu jam 12 tgh.
9 Februari – Disember 2021	Mari Belajar Tajwid (Mengaji) sebulan sekali.

8 Julai 2021	Ceramah Hibah (JAIS) dan Ceramah Faraid (Amanah Raya) telah disertai secara dalam talian.
Sepanjang tahun 2021	Perkongsian Kuliah Online Syeikh Nuruddin Marbu Al Banjari AlMakki dan Syeikh Abu Zaki di Media Sosial Facebook.
Sepanjang tahun	Perkongsian informasi tentang pertanian dan demo masakan seminggu sekali di Whatsapp Group Puspanita CIAST.

## BIRO SOSIAL DAN REKREASI

Tarikh	Aktiviti
15 Januari 2021	Mesyuarat Biro Sosial & Rekreasi Bil. 2/2021 melalui Google Meet dengan kehadiran seramai tujuh (7) orang.
Sepanjang Masa	Perkongsian Video Atau Infomasi Berkaitan Kesihatan Wanita melalui Group Whatsapp dan Facebook
21 Januari 2021 - 21 Mac 2021	Pertandingan 21K Strong Virtual Run & Ride 2021 Jarak sejauh 5 km dengan penyertaan seramai 30 orang ahli. Menggunakan aplikasi JomRun.
Mac 2021	Lawatan Tapak Bagi Pelaksanaan Aktiviti Sukan PUSPANITA ke Bukit Besi Cheras, Blue Lake Cheras dan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur dengan penyertaan empat (4) orang ahli.
30 Jun 2021	Mesyuarat Biro Sosial & Rekreasi Bil. 2/2021 Melalui Google Meet dengan kehadiran seramai enam (6) orang.
27 Ogos 2021 – 16 September 2021	Merdeka Ladies Virtual Run 2021 Penyertaan seramai 30 ali dengan jarak sepanjang 5 km. Aktiviti ini menggunakan aplikasi JustMove. Antara Race kit yang diperolehi Medal dan E-Cert.
7 Disember 2021	Lawatan Tapak Bagi Pelaksanaan Aktiviti Sukan PUSPANITA ke Bukit Botak Puncak Alam dan Bukit Jelutong Eco Community dengan penyertaan seramai lima (5) orang.
10 Disember 2021	Lawatan Tapak Bagi Pelaksanaan Aktiviti Sukan PUSPANITA Ke Bukit Besi Cheras dengan penyertaan seramai empat (4) orang.
11 Disember 2021	Pertandingan 9 Pin Bowling PUSPANITA Negeri Selangor 2021 Acara Trio bertempat di Wangsa Bowls, Setia City Mall, Shah Alam dengan penyertaan seramai empat peserta.
31 Disember 2021 – 14 Januari 2022	Ayuh Selangor 1.0 Virtual Run Melibatkan penyertaan seramai 23 orang dengan jarak sejauh 10 km menggunakan aplikasi MoveOn. Antara race kit yang diperolehi t-Shirt, E-Bib dan E-Cert.

## BIRO KEBAJIKAN

Tarikh	Aktiviti
1 Jan. 2021	Gerobok rezeki dibuat bagi memberi ruang/jalan kepada ahli yang ingin menginfak barang keperluan kepada warga CIAST yang memerlukan sehingga kini dan juga kepada warga CIAST yang terjejas dengan pandemik Covid19.
11 Jan.	Bantuan banjir. Kerjasama Puspanita (Biro Kebajikan dan Biro Modal Insan) bersama KKC mendapatkan sumbangan berbentuk wang tunai dan pakaian kepada NGO Yayasan Ustaz Al Amin yang akan membuat bantuandi negeri Pahang.Sumbangan wang tunai juga telah diserahkan kepada PSH CSC IKBN Kemasiik dan PSH ADTEC Jerantut yang terlibat dengan banjir melalui penyelaras CSC masing-masing.
8 Mac	Gerobok rezeki disalurkan kepada pelajar CIAST yang menghadapi kekangan mendapatkan keperluan harian.
Sepanjang tahun	Penyediaan cenderahati ahli bertukar dan berpindah kepada 6 ahli.
Sepanjang subuh ramadhan	PROGRAM INFAK RAMADHAN Infak subuh sehari RM30 x 30 hari ( Melibatkan Ahli 11 orang) kepada 30 pusat terpilih dan telah dipastikan memerlukan bantuan.
19 April	Infak kurma pelajar CIAST.
Ramadhan	Infak berbuka empat (4) kali (disediakan bermasak oleh sukarelawan).
20 April	Infak berbuka kepada Rumah perlindungan darul warda seramai (50 pack).
20 April	Sumbangan gerobok rezeki kepada kakitangan pembersihan CIAST yang disahkan mempunyai masalah kesihatan .
24 April – 7 Mei	Infak berbuka kepada Sek Men Sains Banting ((PKPD) seramai 800 orang pelajar yang dikuarantin di bangunan asrama lelaki dan perempuan).
6 Mei	PROGRAM INFAK RAMADHAN kepada Madrasah Tahfiz Nurul Huda ( 60 pax), Maahad Tahfiz baitul Rahman dan Madrasah AL quran ibadur rahman lelaki (90 pax).
6 Mei	Sumbangan keperluan Hari Raya kepada 5 Warga CIAST
15 Mei	PROGRAM INFAK RAMADHAN kepada Rumah Gelandangan Kuala Lumpur
18 Mei	PENGUMPULAN BAJU MENGANDUNG untuk penghuni Darul Warda Jalan Kebun (Jubah, Baju Mengandung, Blouse Mengandung, T-SHIRT, SKRIT dan yang sesuai)
17 Julai	TABUNG COVID 19 Secara rasmi Tabung Covid 19 kerjasama PUSPANITA dan Kelab Kakitangan CIAST (KKC) bagi membantu serba sedikit kepada warga CIAST yang terkesan akibat PKP pandemik Covid19.
22 Nov.	Gerobok Rezeki, sumbangan tunai Program Pembangunan Kemahiran (PPK) dan infak kerusi roda dan katil kepada En. Nazari dan isteri (ahli).



**Rajah 72:** Aktiviti PUSPANITA CIAST 2021

## JAWATANKUASA SURAU CIAST

Senarai Jawatankuasa Surau CIAST bagi tahun 2020 adalah seperti berikut;

<b>Penaung</b>	:	Dr. Mohamad Bin Sulaiman
<b>Pengerusi</b>	:	En. Ahmad Zahiri Bin Abdul Kadir
<b>Timbalan Pengerusi</b>	:	Ts. Mohamad Asrofi Bin Muslim
<b>Imam</b>	:	En. Wan Mohammed Azmi Bin Md Seman Ts. Maznizam Bin Mansor
<b>Setiausaha</b>	:	En. Ahmad Zaki Bin Ali Hussin
<b>Bendahari</b>	:	En. Muhammad Nooradzam Bin Adam
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	:	Ts. Mohd Noor Azlan Bin Mohamed Sidek En. Hafiz Bin Saad En. Mohd Rafizie Bin Rahaidir

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun ialah bacaan Fadilat Hadis selepas solat Zohor berjemaah disurau CIAST, bekerjasama dengan KKC dan PUSPANITA dalam penganjuran majlis keagamaan, dan kelas fardhu ain kepada pelajar CIAST atas kelolaan En. Mohd Rafizie Bin Rahaidir dan pelajar Tahfiz Al-Huda, Seksyen 19, Shah Alam.



**Rajah 73:** Tadarus Al-Quran secara maya semasa bulan Ramadhan dengan kerjasama Kelab Kakitangan CIAST (KKC) dan PUSPANITA CIAST.

## MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) 2020/2021



### Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) CIAST 2020/2021

<b>Penaung</b>	En. Baharil Ihzan Bin Onn
<b>Penasihat</b>	Pn. Suraya Binti Ali
<b>Presiden</b>	Muhammad Adil Hafizi Bin Ridzuan
<b>Naib Presiden Lelaki</b>	Muhammad Ali Bin Sarwani
<b>Naib Presiden Wanita</b>	Rosnah Binti Othman
<b>Setiausaha</b>	Nur Fatihah Binti Jamali
<b>Bendahari</b>	Abdul Hadi Azhari Bin Abdul Wahab
<b>Exco Agama</b>	Muhammad Shrolhafizan Bin othman
<b>Exco Disiplin</b>	Mohamad Azlan Bin Mohamad Topek
<b>Exco Sukan dan Kebudayaan</b>	Amirul Haikal Bin Mohammad Tuha

### Senarai aktiviti sepanjang tahun:



**Rajah 74:** Terlibat dalam pendaftaran pelajar baharu. 1 Mac 2021



**Rajah 75:** Pengurusan dan pengagihan makanan kepada pelajar penyewa semasa kuarantin, 1 Mac 2021



**Rajah 76:** Terlibat dalam taklimat SOP dan peraturan asrama 15 Mac 2021



**Rajah 77:** Penjadualan pelajar untuk sukan petang 16 Mac 2021



**Rajah 78:** Pemantauan SOP ketika waktu sukan dan riadah petang



**Rajah 79:** Pengagihan makanan kering sumbangan dari PUSPANITA CIAST 13, 16 Mac dan 19 April 2021



**Rajah 80:** Program Runningman Challenge. 3 April 2021.



**Rajah 81:** Program bacaan Yasin dan Tahfiz secara online 2 September 2021



**Rajah 82:** Perjumpaan bersama pelajar dan warden 11 September 2021.



**Rajah 83:** Perlawanan e-sport Gaming 18 September 2021.

## KERJASAMA CIAST DAN INDUSTRI

Dalam usaha membangunkan tenaga mahir yang berkualiti dan kompeten, kerjasama antara sektor awam dan swasta memainkan peranan penting khususnya dalam peningkatan kualiti kemahiran dan tenaga kerja terlatih yang bersesuaian dengan kualiti industri. Justeru itu, dalam pelan strategik CIAST bagi tahun 2021 hingga 2025, CIAST komited dalam mengukuhkan kerjasama strategik antara kerajaan, industri dan penyedia latihan TVET di dalam dan luar negara.

Pada 2 September 2021, CIAST telah menandatangani memorandum persafahaman (MOU) dengan syarikat Handy Engineering Sdn bhd (HESB) dalam majlis yang diadakan secara atas talian dengan kerjasama Bahagian Kerjasama Strategik, JPK. Tujuan kolaborasi ini adalah membangunkan sumber manusia mahir dalam Bidang "Asset Reliability & Condition Monitoring" bagi meningkatkan kualiti sumber manusia dan melahirkan tenaga kerja mahir bertaraf dunia. Skop kerjasama meliputi latihan professional, infrastruktur dan peralatan, pembangunan tenaga pengajar dan jurulatih serta persijilan kemahiran.

Sepanjang tahun 2021, pelbagai aktiviti telah diadakan dengan agensi dan jabatan yang telah menandatangani memorandum persafahaman dengan CIAST.

**Jadual 47:** Senarai kerjasama CIAST dan pihak luar.

Agensi/Jabatan	Bidang Kerjasama
Scientific & Technology Products Sdn Bhd	Collaboration In Research And Development And Consultancy Activities, Training And Attachment Programme Scheme
Handy Engineering Sdn Bhd (HESB)	Kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Mahir Dalam Bidang "Asset Reliability& Condition Monitoring"
Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM)	Kerjasama Strategik Institut Latihan Kemahiran Kampus Satelit CIAST Dengan Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM) Di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT)
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	Program Latihan Kemahiran Kenderaan Konvensional, Hybrid Dan Elektrik Untuk Pegawai Penyiasat Kebakaran
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Khidmat Rundingan Dan Kepakaran Teknik Berkaitan Penghasilan Spesimen /Produk Dan Analisis Instrumen

**Jadual 48 :** Senarai Aktiviti Yang Dilaksanakan Bersama Agensi/Jabatan Yang Mempunyai Kerjasama Dengan CIAST

Agensi/Jabatan	Aktiviti
Scientific & Technology Products Sdn Bhd	Mesyuarat atas talian (15 Januari 2021) Mesyuarat atas talian (12 Julai 2021) Smart Classroom Virtual Visit (11 Oktober 2021) Sesi Perkongsian Program Upskilling & Reskilling via Class2U with ETA International Certification (7 Disember 2021)
Handy Engineering Sdn Bhd (HESB)	Program Perkongsian Kemahiran Industri (PKI) (16 Mac 2021) Lawatan TLDM ke CIAST dengan kerjasama HESB (28 April 2021) Taklimat kerjaya bersama pelajar Unit Pengeluaran CIAST (13 September 2021)
Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM)	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama JPK dan IPGM Bil 1/2021 (27 September 2021)
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	Mesyuarat Penyelarasan Kursus Vehicle Fire (6 Ogos 2021) Kursus Vehicle Fire : System Approach For Firefighter (25 – 29 Oktober 2021)
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Khidmat rundingan teknikal berkaitan Penghasilan Spesimen Menggunakan CNC Wire Cut dan Power Saw (6 – 9 Julai 2021) Khidmat Rundingan Teknikal Berkaitan Penghasilan Spesimen menggunakan CNC Wire Cut (3 November 2021)



**Rajah 84:** Majlis Mou HESB



**Rajah 85:** Program bersama Jabatan Keselamatan



**Rajah 86:** Perkongsian bersama Jabatan BOMBA

## AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN

Sepanjang tahun 2021, CIAST telah menyertai beberapa pameran atas undangan daripada pelbagai pihak. CIAST juga telah menerima pelawat dari dalam dan luar negara yang berminat untuk mengetahui berkenaan CIAST lebih lanjut.

Beberapa aktiviti promosi ke pusat-pusat bertaualiah awam dan swasta juga telah dilaksanakan bagi memperjelaskan program-program latihan di CIAST kepada pengajar dan pelajar institut.

**Jadual 49:** Senarai pameran yang disertai 2021.

Bil	Nama karnival	Tarikh dan tempat	Anjuran
1	TVET Expo & Summit (TES 2021)	7 -14 April Secara maya di laman web tes.asia	Ruang Cikgu Berhad
2	Karnival Jom Masuk Kemahiran	22 -28 Sept Secara maya di platform Facebook JPK dan Youtube SkillsMalaysia	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
3	Showcase Ekosistem Pekerjaan Sempena Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia	9-12 Disember 2021 Pusat Konvensyen Kuala Lumpur	Kementerian Sumber Manusia



**Rajah 87:** Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia

## KEHADIRAN PELAWAT TAHUN 2021

**Jadual 50:** Senarai pelawat 2021

Bil	Pelawat	Tarikh	Tujuan
1	Johor Petroleum Development Corporation Bhd	20 April	Mendapat maklumat berkenaan ketrampilan pengajar TVET
2	Kunjungan Hormat Duta Jepun	23 April	Kunjungan hormat
3	Handy Engineering Sdn. Bhd. bersama TLDM	28 April	Perkongsian kepakaran bersama TLDM
4	Yayasan Peneraju	24 Ogos	Mengenalpasti program CIAST yang berkaitan peningkatan kemahiran
5	PERKESO	5 Oktober	Membincangkan berkenaan kursus NCS
6	Pejabat JICA	8 Disember	Kunjungan hormat
7	KDYMM Dipertuan Agong	25 Disember	Melawat Pusat Penempatan Sementara (PPS) Banjir di CIAST



**Rajah 88:** Perkongsian secara maya bersama Yayasan Peneraju



**Rajah 89:** Lawatan dari JICA Malaysia

## AKTIVITI PROMOSI 2021

Siri taklimat berkenaan kursus-kursus anjuran CIAST telah dilaksanakan kepada beberapa seperti JMTI, IKTBN Bukit Mertajam, ILP Marang dan KV Gombak institut secara maya.




**Rajah 90:** Taklimat kepada pelajar SKM 3 ILP Marang secara maya pada 18 Mac 2021



**Rajah 91:** Taklimat kepada pelajar KV Gombak pada 27 Oktober 2021



**Rajah 92:** Hari Bertemu Pelanggan Secara Maya pada 14 September 2021



**CIAST**

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN**  
**CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAST)**

**Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK),  
Kementerian Sumber Manusia (KSM)**

